


**Jilid I
Bil. 17**



**Hari Khamis
28hb November, 1974**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1513]

KENYATAAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA:
Harga Getah [Ruangan 1519]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 1525]

USUL:
Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 1525]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 28hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

- Yang Berhormat TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

Yang Berhormat RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S.
(Bandar Kuching).

- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

- Yang Berhormat TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

AHMAD ZAIDI—BONG KEE CHOK

1. **Tuan Patrick Anek Uren** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah ukuran yang digunakan oleh Pihak Yang Berkuasa apabila menerima semula ke Malaysia orang/orang-orang yang dahulunya telah diisytiharkan sebagai "persona-non-grata" dalam negeri ini atau telah menjadi ancaman kepada keselamatan negara;
- (b) apakah taraf Encik Ahmad Zaidi sebelum beliau bertanding dalam Pilihanraya Negeri bagi kawasan Kelaka di Sarawak sebagai calon Barisan;
- (c) apakah taraf Encik Bong Kee Chok di Sarawak hari ini; dan
- (d) apakah yang telah terjadi kepada orang-orang pelarian Brunei yang datang ke Limbang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Soalan ini terlampau umum. Mengikut amalan antarabangsa takrif "persona-non-grata" itu pada lazimnya digunakan terhadap ahli-ahli diplomat asing yang ditempatkan di sesebuah negara dan setakat ini Kerajaan belum pernah lagi mengisytiharkan mana-mana diplomat asing sebagai "persona-non-grata".
- (ii) Soal ini juga terlalu umum, kerana taraf Encik Ahmad Zaidi sebelum beliau bertanding dalam pilihanraya adalah sebagai warganegara biasa.
- (iii) Soalan ini sama dengan soalan yang kedua tadi. Pada masa sekarang Encik Bong Kee Chok adalah menetap di Sarawak.
- (iv) Orang-orang pelarian dari Brunei pada masa ini dibenarkan tinggal di negeri ini serta diberi layanan yang sewajarnya

berdasarkan kepada peri kemanusiaan dan mengikut prinsip amalan antarabangsa.

LEMBAGA PERUMAHAN PUSAT

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kementerian beliau akan menubuhkan Lembaga Perumahan Pusat untuk memudahkan pelaksanaan projek-projek perumahan Kerajaan di negara ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah beritahu Dewan yang mulia ini pada 27-11-1974, iaitu sebuah agensi sedang dirancangan oleh Kementerian saya untuk mengambil tanggungjawab beberapa fungsi terhadap perumahan. Butir-butir yang lebih lanjut mengenai fungsi-fungsi, tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang tertentu akan diumumkan sebaik sahaja agensi tersebut telah ditubuhkan.

SUKAN SEBAGAI LAPANGAN PROFESYENAL

3. **Tuan Chian Heng Kai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan kemerosotan taraf sukan negara ini berdasarkan kepada keputusan di Sukan Asia di Teheran baru-baru ini, samada Kerajaan bercadang menjadikan lapangan sukan sebagai lapangan profesyenal.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang menjadikan lapangan sukan sebagai lapangan profesyenal kerana ini akan menyekat Negara Malaysia mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan Sukan Antarabangsa, seperti sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa tersebut adalah berdasarkan amaetur.

PERARAKAN HARAM BARISAN NASIONAL DI PORT DICKSON

4. **Tuan Chian Heng Kai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang perarakan haram yang telah diadakan oleh Barisan Nasional pada 8-8-1974 di Port Dickson di hadapan Inspekter Polis dan Pasukan Polis dan jika ya, nyatakan keputusan penyiataan yang telah dijanjikan oleh O.C.P.D., Port Dickson.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis telahpun menyiakat satu perarakan di Port Dickson—apakah perarakan ini yang terlibat—dan Kertas Inkuari Polis telah dimajukan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Sembilan untuk mendapat nasihatnya. Arahan selanjutnya masih ditunggu daripada Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan sewajarnya.

TAHANAN POLITIK

5. **Tuan Chian Heng Kai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan tahanan-tahanan politik yang masih di tahan dan samada mereka akan dibicarakan dengan adil dalam mahkamah terbuka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang-orang tahanan di negara ini orang-orang dikatakan tahanan-tahanan politik. Orang-orang yang kita tahan itu orang-orang yang mengancam keselamatan negara.

SYARIKAT PEMASARAN IKAN MALAYSIA (S.P.I.M.)

6. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia (S.P.I.M.) sejak ianya ditubuhkan dan di manakah Pusat Pembelian Ikannya dan adakah Kerajaan bercadang mengadakan sistem lelong di tempat-tempat selain daripada kompleks di Langkawi dan Kuala Trengganu dan jika harga ikan yang ditawarkan oleh pembeli-pembeli atau pemborong-pemborong terlalu rendah apakah tindakan SEGERA Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia (S.P.I.M.).

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telahpun disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar pada 26hb tatakala menjawab soalan daripada Yang Berhormat sendiri.

Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan kedudukan Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia ini kerana soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak tepat pada maksudnya. Sejak bulan September 1972 hingga April 1974 S.P.I.M. telah mengendalikakan pembelian ikan berjumlah \$550,000—dan ianya menjalankan 2 jenis perniagaan iaitu membeli ikan daripada nelayan-nelayan dan kedua menjualnya di pasar-pasar besar. Untuk pembelian ikan dijalankan secara lelongan di pusat-pusat menaikkan ikan. Selain daripada Langkawi dan Kuala Trengganu S.P.I.M. juga membeli ikan di tiga tempat di Pulau Redang, Trengganu, Geting, Kelantan dan di Kuala Pahang.

Ikan-ikan yang dibeli ini dibawa untuk jualan di pasar-pasar borong di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Ipoh.

Sistem pembelian ikan daripada nelayan-nelayan yang dijalankan oleh S.P.I.M. ini sendirinya dapat menentukan bahawa nelayan-nelayan dapat menjual tangkapan mereka dengan harga yang sewajarnya. S.P.I.M. membeli ikan daripada nelayan-nelayan setanding dengan pembeli-pembeli atau pemborong-pemborong yang lain di dalam tiap-tiap lelongan yang dijalankan di Pusat-pusat pembelian yang tersebut di atas tadi.

PUSAT-PUSAT KESIHATAN

7. **Tuan Chian Heng Kai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan memberikan bilangan klinik pusat-pusat kesihatan dan rumah-rumah bidan yang telah dibina sejak lima tahun yang lalu dan samada beliau akan menimbang mengadakan sekurang-kurangnya sebuah pusat kesihatan atau rumah bidan di kampung-kampung yang mempunyai penduduk lebih dari sepuluh ribu orang tiap-tiap satu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, sejak 1969 sehingga akhir bulan September tahun ini Kementerian saya telah membina sejumlah 35 buah Pusat Kesihatan Besar termasuk kenaikan taraf pusat-pusat kesihatan kecil yang ada, 81 buah pusat kesihatan kecil yang baru dan 442 Rumah dan Kelinik-kelinik Bidan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan kita akan mengadakan satu Pusat Kesihatan bagi memberi rawatan kepada tiap-tiap 15,000 orang penduduk luar bandar.

PESERTA MALAYSIA DI SUKAN ASIA TEHERAN

8. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada di antara peserta-peserta Malaysia dalam Sukan Asia di Teheran baru-baru ini yang telah menunjukkan sikap dan lagak yang anti-Malaysia, yang boleh menjatuhkan maruah negara dalam hubungan antarabangsa, atau yang boleh menjejaskan semangat perpaduan di kalangan peserta-peserta Malaysia sendiri; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam sukan Asia di Teheran baru-baru ini adalah mewakili Negara Malaysia, tetapi Majlis Sukan Olimpik Malaysia adalah bertanggungjawab atas pemilihan, latihan dan juga disiplin peserta-peserta itu. Pasukan itu telah diketuai oleh seorang Chef-de-Mission yang dipilih oleh Majlis Sukan Olimpik Malaysia sendiri.

Jika ada di antara peserta-peserta Malaysia dalam sukan tersebut yang telah menunjukkan sikap dan lagak anti-Malaysia, yang boleh menjatuhkan maruah negara dalam hubungan antarabangsa, atau yang boleh menjejaskan semangat perpaduan di kalangan peserta-peserta Malaysia sendiri, pihak Majlis Sukan Olimpik Malaysia akan mengambil tindakan-tindakan disiplin yang sewajarnya dan di mana tindakan itu memerlukan kerjasama Kerajaan, Majlis itu akan menghubungi Kementerian saya.

Setakat ini Kementerian saya tidak menerima apa-apa permintaan mengambil tindakan disiplin terhadap sesiapa yang pergi ke Sukan Asia di Teheran.

PENDAFTARAN KERETA MUATAN

9. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan akan membatalkan:

- (a) peraturan pendaftaran kereta muatan; dan
- (b) kebiasaan memeriksa enam bulan sekali, setiap motosikal yang digunakan oleh penoreh-penoreh getah untuk mengangkut susu getah; dan jika ya, bila.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan Yang Berhormat itu dimaksudkan kepada motosikal-motosikal yang digunakan untuk mengangkut barang-barang termasuk susu getah dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sedang dikaji dan adalah diharap keputusan muktamad akan dapat diberi tidak berapa lama lagi.

HOSPITAL KECIL PEKAN MANTIN—MEMBINA

10. Tuan Lee Boon Peng bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa 22,144 penduduk-penduduk di Mukim Lenggeng dan Setul mempunyai sebuah kelinik kesihatan sahaja di Pekan Mantin dengan seorang penolong hospital tanpa sebarang doktor-doktor tetap atau yang melawat dan jika ya, samada kementerianya akan membina sebuah hospital kecil di Pekan Mantin dengan sebuah wad bersalin dan seorang doktor supaya penduduk-penduduk di sana dapat diberikan perkhidmatan dengan lebih memuaskan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini ada sebuah "Static Dispensary" di Mantin dengan dijagai oleh seorang Pembantu Hospital yang tinggal tetap di sana untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan perubatan asas kepada orang ramai. Kelinik ini juga mengadakan perkhidmatan bagi Ibu-ibu Mengandung dan Kanak-kanak dua kali seminggu oleh suatu pasukan yang melawat ke tempat itu.

Sebuah Pusat Kesihatan Kecil juga ada di Lenggeng yang terletak lebih kurang tujuh batu jauhnya dengan seorang Pembantu Hospital, seorang Staff Nurse dan lain-lain

kakitangan para-medical memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Seorang doktor membuat lawatan ke Pusat Kesihatan Kecil ini sekali seminggu sepertimana dilakukan kepada semua pusat-pusat kesihatan kecil.

Kementerian ini akan membina sebuah Pusat Kesihatan Besar jenis baru di Mantin dan ianya akan mengadakan rawatan-rawatan kepada ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak dan juga perkhidmatan-perkhidmatan "preventive dan curative" bagi perubatan dan pergigian. Di Pusat Kesihatan yang baru ini nanti seorang pegawai perubatan dan pegawai pergigian akan ditempatkan.

Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya sekarang ini sedang membuat persediaan-persediaan akhir bagi lukisan-lukisan bentuk bagi projek ini. Kerja-kerja bagi melaksanakan projek ini adalah dijangka akan bermula awal tahun hadapan.

KENYATAAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA

Harga Getah

2.44 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Urusan Mesyuarat 14 (1), saya mohon mengambil kesempatan di sini untuk membuat satu kenyataan yang penting yang menimbulkan besar akibatnya kepada kehidupan kebanyakan daripada rakyat jelata di negara kita. Memandangkan kepada bagaimana penting dan sensitifnya kenyataan yang akan saya buat ini dari segi pasaran antarabangsa dan untuk mengelakan apa-apa salah faham di kalangan pasaran dunia, saya mohon izin supaya kenyataan saya ini dapat diperbuat di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Musa Hitam: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, you will recall that in an answer to an oral question raised by the Honourable Member for Padang Terap on 20th November, 1974 on the price of rubber, I indicated to the House the Government's deep concern about this matter. I also announced that Government was actively considering possible short-term as well as long-term measures to be implemented in order to alleviate the present state of low

rubber prices and to provide a more equitable return to rubber growers, especially the small-holders in our country, and indeed in all natural rubber producing countries.

Indeed, Tuan Yang di-Pertua, the subject of alleviating the low rubber prices has been discussed in the past at various forums; nationally and internationally, for many years. On first assumption of office as Minister of Primary Industries, I directed my officials to conduct a study of this problem from an overall point of view with a view to suggesting to Government certain solutions both in the short term and the long term, on an integrated basis, nationally as well as internationally. Needless to say, Tuan Yang di-Pertua, I would rather approach it in this manner than to act on an *ad hoc* basis which will only produce short term and sometimes negative results. Before I go any further, I would like to briefly review the rubber scene as we see it today.

The Government is fully convinced that the present price levels of natural rubber are inconsistent with market potentials, consumer preferences and related synthetic rubber costs and prices. Indeed, this is the opinion of experts in both the producing and consuming sectors of natural rubber and synthetic rubber the world over.

Obviously, the economic hiatus in the world, high energy costs and problems associated with balance of payments have distorted what inherently should have been a very strong competitive position for natural rubber. Notwithstanding these factors, the world cannot do without natural rubber and indeed there is a base consumption which is not price elastic.

What is taking place today is a transient dislocation in supply/demand balances in favour of stocks and supply. With reduced economic activity the world over, leading to retardation in growth rate, such transient imbalances assume greater importance and sensitivities generating uncertainties of price movements in the minds of consumers and providing a "happy hunting ground" for commodity speculators. The net result of these factors is the decline of natural rubber price in recent months to levels which are unrealistic and inimical to the viability of the industry.

Tuan Yang di-Pertua, the Malaysian Government cannot afford to ignore the inevitable consequences of any further erosion in prices or the continuation of present price levels for any appreciable period. Short-term imbalances in supply/demand and violent price fluctuations have been periodic afflictions of the natural rubber commodity market. The detrimental effects of such distortions on producing nations have been ventilated in national and international forums on numerous occasions in the past. The IRSG, UNCTAD, FAO and ANRPC have all addressed themselves to this problem.

The Malaysian Government, in the absence of any concrete action from the world bodies, had in the past taken even unilateral action on several occasions with some but limited positive results. I am, of course, referring to the actions taken by the Malaysian Government when we intervened in the market and the introduction of the stock adjustment scheme.

The present dilemma calls for more drastic, concerted and integrated measures. I have called it a "dilemma" because we are confident that, in the long term, the world requires us to adopt a more dynamic production policy to meet requirements. In the interim, however, we face short-term imbalances leading to price erosion. We, on our part, should do nothing to undermine our planned long term dynamic production policy. We must at the same time do something to neutralise the calamitous price erosion caused by the present imbalances.

Obviously, Tuan Yang di-Pertua, the most effective short and long term solutions call for an international cooperative approach by all producers of natural rubber. An international Buffer Stock scheme which can effectively mop up short term imbalances is the answer. Such a Buffer Stock scheme should have as the operational objective price stability of natural rubber at what may be termed equitable levels for both producers and consumers. Producing countries are not interested to hold consumers to ransom. What we are interested in is a stable realistic return, a feature which is also consistent with the consumer interest.

Malaysia is, therefore, immediately initiating dialogues with other producing nations in South East Asia. This will be pursued with all the speed, vigour and effectiveness at our

command. I have every confidence that other producing nations, who are facing similar problems, will respond positively within the context of their own special circumstances.

While such negotiations with other producing nations are being initiated, Malaysia cannot remain idle in the national context. The Government is only too conscious of the undue hardship in the rural sector which is caused by these unrealistically low rubber prices. But, Tuan Yang di-Pertua, time is not on the side of the Government for protracted discussions and negotiations both nationally and internationally. Something has to be done. It must be initiated immediately. Every sector of the natural rubber industry is involved and must be concerned.

The Government has, therefore, elicited the co-operation of all sectors of the industry—the producers, the trade and the workers—in this national planned endeavour which I am about to announce today.

The national planned endeavour which may be termed a "crash programme" or an "interim national crash programme" evolving itself into an international Buffer Stock Scheme, which should be acceptable to producers, has the sole objective of the stabilisation of the rubber price which should benefit both the producers and consumers alike. So far as the producers are concerned, the impact of stabilisation will be felt more keenly by smallholders many of whose livelihood, as is wellknown, depend on this particular commodity. By its very nature the national crash programme that I am proposing now as an immediate price stabilisation measure cannot be sustained without the co-operation and support of other major natural rubber producing countries as well as the acceptance by them of the Buffer Stock Scheme. In other words, Tuan Yang di-Pertua, the short term and somewhat unilateral measures we are embarking upon cannot be effective without the emergence of an international Buffer Stock Scheme as an acceptable and practical long term programme.

What is this crash programme that we are embarking upon? Our crash programme involves a national commitment of an

expenditure of up to \$300 million (Malaysian ringgit) for removing rubber from the market. Let me give you the basic essentials of the scheme. These are:

- (a) Accelerated replanting in estates whereby estates will be compelled to replant all areas with productivity less than 800 kilogrammes per hectare within a period of 24 months.
- (b) Suspension of chemical stimulation, particularly the use of ethrel.
- (c) The imposition of reduced tapping frequencies in estates leading to substantial storage of rubber within the trees. This includes compulsory Sunday rest and holidays.
- (d) The packer-remiller-exporter-dealer sector is now required to retain substantial stocks to ensure reduced supply in the market. Each packer-remiller-exporter-dealer will be provided with a quota.
- (e) The continuation of the replanting programme for the smallholder sector, particularly for those with less than five acres, through the assistance already provided for by RISDA with additional support by all available agencies and the private sector.
- (f) Direct purchase of smallholder rubber for Government stocks.

For the implementation of this battery of measures, a national Committee has been formed in my Ministry under the Chairmanship of the Secretary-General of the Ministry. Representatives from relevant Government Ministries, Departments and Agencies as well as the private sector will be included.

Tuan Yang di-Pertua, the scheme is backed with adequate finance. The necessary personnel to implement these measures will be conscripted from relevant Government agencies and other public bodies, and the required infrastructural facilities and support will be found or built as a matter of top priority. Where storage facilities are inadequate, these will be hired or built. Port facilities will be looked into where they are needed to provide the long term answer to any present lack of facilities.

I must also emphasise that the Government has formulated this battery of measures with the willing co-operation of all sectors of the

industry. I would like to take this opportunity here to express our thanks to the producers, traders and workers, through their representative organisations, for their acceptance of the plans and their willingness to co-operate fully with the Government in the national interest. There is now no room for complacency, indifference or subjective attitudes. The requisite legal powers are available and will be enforced immediately, and in areas where these are inadequate, the requisite amendments are being formulated with a view to immediate enforcement. The full force of the Government machinery will be brought in to ensure that the "intent and content" of the scheme are realised.

I must emphasise here strongly that the proposal is not a "piecemeal approach", it is not a sectarian approach, and the Government's determination is not to be taken lightly.

Let me also emphasise once more that this crash programme on the national scale together with the international Buffer Stock arrangement are aimed at price stabilisation. Price stabilisation is essential in the rubber industry, not only for the producers but also for the consumers. One of the major reasons for consumers shying away from natural rubber is the violent fluctuations in its price which makes it difficult for them to estimate and project for their utilisation of natural rubber. We, as producers, are fully aware of this need and it is with the objective of price stabilisation as against price hike that we are embarking on this major exercise. In other words, Tuan Yang di-Pertua, it is price stabilisation and not price hike that we are after.

Finally, Tuan Yang di-Pertua, the implementation of our programme of action, as I have just outlined, simply demonstrates that the Government has assumed upon itself the responsibility to act for the good of the economy and the general welfare of the people. As has always been the case in the past, and shall always be the case in the future, we believe in action, and action with long term positive results as the objective. We are realistic enough to accept the reality of existing circumstances that influence our national economic well-being. We are bold enough, however, to embark on any venture that we feel needs to be embarked upon for the general well-being of our people. In the

final analysis, Tuan Yang di-Pertua, we are confident that the results will be positive because our people have always been ready to respond to any call that is in the national interest. (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (27hb November, 1974).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." (27hb November, 1974).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Dewan akan mulai mendengar jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri.

3.11 ptg.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di

dalam perbahasan ini dan telah menyentuh sedikit-sebanyak sambil membuat teguran-teguran atau cadangan-cadangan terhadap Kementerian saya sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran dan Balik Pulau telah menyentuh tentang kelambatan pendaftaran surat-surat cara di Pejabat-pejabat Tanah pada masa ini. Perkara-perkara yang dibangkitkan ini pernah dan sering ditimbulkan di Dewan ini dan berikutan dengan itu saya juga telah beberapa kali memberikan penjelasan mengenainya. Lazimnya, pendaftaran surat-surat cara dalam negeri dapat disediakan dalam tempoh kurang dari tiga bulan. Malah pendaftaran itu dapat disediakan dalam masa kurang dari dua minggu. Walau bagaimanapun, ada juga berlaku kelewatan pendaftaran yang disebabkan oleh banyaknya bilangan surat-surat cara manakala setengah-setengah Pejabat Tanah, bilangan pegawai-pegawai yang menyelenggarakan tidak mencukupi. Kelewatan itu mungkin berlaku di setengah-setengah Pejabat Tanah di negara ini di mana proses pembangunan tanah itu berlaku amat pesat sekali. Di setengah-setengah Pejabat Tanah, saya percaya tempoh untuk menyelesaikan pendaftaran surat-surat cara yang dikemukakan itu tidak sampai tiga bulan malah lebih awal dari itu.

Kelewatan yang dikatakan memakan masa di antara tiga hingga enam bulan itu, mungkin disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar kawalan pegawai-pegawai Pejabat Tanah itu sendiri. Umpamanya, surat-surat cara yang dikemukakan itu tidak lengkap atau bertentangan dengan undang-undang tanah di mana kadang-kadang rojokan perlu dibuat kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan dan ini memakan masa yang agak panjang. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu surat-surat cara yang dikemukakan itu mestilah mematuhi syarat-syarat seperti yang dikehendaki dalam Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah berikhtiar dari satu masa ke satu masa dan telah memberi perhatian yang serious dalam menghadapi masalah ini.

Beberapa kursus dan latihan baik di peringkat negeri mahupun di peringkat nasional telahpun dianjurkan bagi memastikan pegawai-pegawai tanah itu cekap dan mahir dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Satu bahagian latihan khas untuk

melatih pegawai-pegawai tanah telah juga ditubuhkan dan bahagian ini sedang giat memberi latihan kepada pegawai-pegawai tanah di peringkat negeri dan pusat dari semasa ke semasa.

Menyentuh tentang pentadbiran tanah, suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa sesuai dengan Kerajaan yang bercorak "action-oriented" sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, saya telah mengarahkan semua Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri supaya membuat lawatan mengejut ke Pejabat-pejabat Tanah untuk mengetahui dengan lebih dekat masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai dalam soal pentadbiran tanah.

Selain dari itu, Kementerian saya juga sedang menimbang untuk mendapat kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Pejabat-pejabat Tanah yang ada sekarang ini dapat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu "Bahagian Pembangunan" dan "Bahagian Routine" (kerja hari-hari). Bahagian Pembangunan adalah khas bagi mengawal permohonan-permohonan tanah untuk pembangunan supaya permohonan-permohonan tersebut dapat dilayan dengan segera dan Bahagian Routine pula adalah untuk memberi perhatian yang khas bagi urusan perkara-perkara seperti survey, endorsement, issue of titles dan sebagainya.

Kerajaan Negeri juga akan diminta mengkaji mengenai dengan kuasa meluluskan permohonan-permohonan tanah yang diberikan kepada Pemungut-pemungut Hasil Tanah yang ada sekarang. Perkara ini perlu dikaji semula bagi menentukan supaya kuasa itu dapat diselaraskan untuk menjamin supaya tanah yang akan diluluskan atau dikeluarkan itu selaras dengan pelan induk rancangan pembangunan negeri masing-masing. Baru-baru ini arahan telahpun dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kelulusan atas permohonan-permohonan tanah hanya di tangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sahaja.

Dengan adanya penyelarasan kuasa itu, tanah-tanah yang akan diluluskan itu akan dikaji dan ditimbang dengan teliti dan sekiranya didapati tidak bercanggah dengan rancangan Kerajaan baharulah tanah itu akan dikeluarkan. Pada masa-masa yang

lepas Kerajaan terpaksa menggunakan perbelanjaan yang banyak untuk mengambil balik tanah yang telah diluluskan apabila sesuatu projek itu akan dilaksanakan.

Perbelanjaan yang besar ini adalah disebabkan tidak adanya penyelarasan kuasa meluluskan permohonan di mana pelan induk Rancangan Pembangunan Negeri itu tidak dijadikan asas atau panduan dalam menimbang sesuatu permohonan untuk diluluskan dan ini adalah merugikan rakyat dan Kerajaan.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga akan diminta supaya memberi keutamaan kepada permohonan dengan cara "group alienation". Mengikut pengalaman yang lepas adalah terdapat ada di antara mereka yang memohon tanah dari orang perseorangan yang tidak mempunyai keupayaan memajukan tanah dan orang-orang itu memohonnya untuk tujuan spekulasi.

Kerajaan khasnya Kementerian saya memandang berat perkara ini dan kerjasama dari semua pihak bukan sahaja pegawai-pegawai tanah adalah diperlukan untuk menentukan supaya perkara spekulasi ini tidak akan berlaku. Pemohon-pemohon tanah yang memohon untuk tujuan spekulasi tidak harus dilayan. Permohonan dengan cara "group alienation" ini adalah digalakkan bagi menentukan tanah-tanah yang diluluskan itu dapat dijayakan dengan sepenuhnya dan tidak akan dijadikan alat spekulasi.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah juga menyentuh tentang perjalanan sistem pentadbiran tanah di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang dan Melaka sememangnya pentadbiran tanah berdasarkan British System tidak Torren System, sebagaimana yang diamalkan oleh negeri-negeri lain di Malaysia.

Sebagaimana Yang Berhormat itu sedia maklum British system ini telah berjalan beratus tahun dahulu sejak Pulau Pinang dalam pemerentahan Penjajah. Dari segi perlembagaan dan sejarah undang-undang, apabila undang-undang itu dikuatkuasakan, maka ianya sah dan terpakai bila-bila masa. Cadangan menukarkan kepada Torren System adalah merupakan soal revolusi yang berkaitan bukan sahaja dari segi politik, ekonomi dan sosial bahkan juga dari segi Perlembagaan negeri itu sendiri dan juga Perlembagaan Persekutuan.

Perkara ini merupakan soal dasar yang harus dikaji dari segala aspek sebelum Kerajaan mengambil langkah ke arah ini. Mengenai dengan cadangan supaya ditambahkan lagi pegawai-pegawai tanah, perkara ini boleh dirundingkan dengan Kerajaan Negeri. Kementerian saya akan memberi kerjasama sekiranya pihak Kerajaan Negeri memerlukan apa-apa bantuan dalam mendapatkan tambahan pegawai-pegawai di Pejabat Tanah.

Yang Berhormat dari Kangar pula telah mencadangkan supaya negeri-negeri besar seperti Pahang dan Johor membuka lebih banyak lagi Rancangan FELDA dan memberikan peluang kepada penduduk-penduduk negeri lain yang berkurangan tanah memasuki rancangan-rancangan tersebut. Mengenai cadangan ini sukacita saya nyatakan bahawa Kerajaan telah dan sedang melaksanakan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai dengan perkara ini, saya ingin memberitahu bahawa berikutan dengan hasil kajian pembangunan serantau Pahang Tenggara, Kementerian saya melalui FELDA sekarang ini sedang mengkaji kemungkinan untuk melaksanakan konsep perbandaran pusat bagi pertama kalinya.

Dengan terlaksananya konsep ini nanti kawasan-kawasan yang didapati sesuai bagi peserta-peserta dari beberapa rancangan akan ditempatkan di perbandaran-perbandaran pusat ini dan tidak lagi di perkampungan sendiri seperti yang terdapat di rancangan-rancangan sekarang ini. Dengan cara yang demikian kemudahan-kemudahan asas yang lebih lengkap dengan perkhidmatan-perkhidmatan sosial dapat diadakan dengan lebih lengkap dan teratur lagi. Dalam tahun pembangunan 1974/1975 FELDA akan mendirikan 8 buah bandar pusat yang meliputi kawasan seluas 9,150 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan juga Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengesyurkan pula kepada Kerajaan supaya mengadakan reformasi tanah. Mengenai cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya nyatakan bahawa perkara ini telah beberapa kali saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Sebarang langkah ke arah penyusunan dalam perkara memiliki tanah atau land reform perlu dikaji dan diteliti sehabis-habis

mendalam kerana perkara ini mempunyai implikasi yang besar kepada Kerajaan dan rakyat yang akan terlibat akibat daripada langkah-langkah yang diambil.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian sosio-ekonomi sedang dijalankan dengan rapi dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia bagi kawasan perairan Muda di Kedah dan oleh Felcra di Kawasan Perairan Kemubu di Kelantan. Hasil kajian-kajian ini akan menjadi panduan kepada Kerajaan untuk mengambil langkah yang sebaik-baiknya bagi memperbaiki keadaan yang didapati di kawasan-kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti berkenaan dengan masalah-masalah FELDA yang disentuh dengan panjang lebar bukan sahaja pada kali ini bahkan juga di masa-masa yang lepas dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah merumuskan bahawa semakin banyak rancangan-rancangan FELDA ini, semakin banyaklah masalahnya sehinggakan beliau mengesyurkan supaya ditubuhkan suatu badan untuk menyasiat masalah-masalah yang berbangkit dalam rancangan-rancangan FELDA ini.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi urusan-urusan FELDA, saya telah mengambil kesempatan untuk menjelajah ke beberapa rancangan FELDA termasuk juga di rancangan-rancangan dalam kawasan Yang Berhormat itu, pada hemat saya problem-problemnya memanglah ada tetapi tidaklah begitu seseriusnya sehinggakan patut kita tubuhkan satu jawatankuasa menyasiat atas problem-problem ini kerana saya percaya kita terpaksa banyak menumpukan masa kepada pekerjaan-pekerjaan yang lebih penting dan menafaat dalam usaha pembangunan yang begitu pesat bagi memajukan rancangan-rancangan FELDA dan lain-lain pada masa ini.

Pada hari ini kita semua tahu bahawa FELDA sudah menjadi sebuah agensi Kerajaan yang besar dan teguh. Bilangan peneroka yang ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA telahpun meningkat lebih daripada 30,000 keluarga, dan bilangan penduduk ditaksirkan tidak kurang daripada 200,000 orang kesemuanya.

Dalam kawasan Yang Berhormat sendiri itu sudah terdapat beberapa rancangan FELDA dengan bilangan keluarga peserta tidak kurang daripada 2,100 keluarga. Peneroka-peneroka ini mempunyai latar belakang yang berlainan, berasal dari berbagai-bagai daerah—pendek kata mempunyai berbagai ragam.

Kita pindahkan mereka ke dalam rancangan-rancangan dengan tujuan membentuk masyarakat baru, supaya mereka mengubah corak lama mereka kepada corak baru dan menjadi segolongan pentani yang moden, berdikari dan mempunyai nilai hidup baru serta cara berfikir yang progresif, maka kejayaan-kejayaan yang sudah tercapai setakat ini dalam usaha kita menuju ke matlamatnya adalah memuaskan.

Kejayaan-kejayaan yang tercapai ini pada sebahagian besarnya adalah hasil dari kerjasama semua pihak terutamanya dari sumbangan dan perkhidmatan baik serta pengurbanan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan FELDA.

Satu perkara lagi yang kita sering lupa, iaitu bahawa peneroka-peneroka FELDA juga adalah makhluk Allah iaitu manusia biasa. Apabila mereka mempunyai pendapatan yang berlebihan, misalnya pendapatan hasil kelapa sawit yang tinggi pada hari ini, maka mereka juga ingin kepada keselesaan hidup, sambil memenuhi masa lapangnya untuk kerehatan dan sebagainya.

Maka dalam beribu-ribu keluarga peneroka itu, sudah tentulah terdapat di antara mereka, seperti yang pernah terdapat dalam masyarakat-masyarakat bandar dan juga di mana-mana masyarakatpun, suatu gejala lemah iman dan kurang insaf, joli, menabur wang dengan cara membazir dan sebagainya.

Sungguhpun demikian sebahagian besar daripada peneroka-peneroka dengan asuhan dan bimbingan daripada pihak FELDA, terutama sekali oleh kerana peranan yang dimainkan oleh Bahagian Pembangunan Peneroka FELDA, mereka telah menggunakan pendapatan masing-masing yang berlebihan itu dengan bijaksana dengan lebih mementingkan keperluan-keperluan hidup yang lebih bermenafaat, menyimpan wang dalam Tabung Haji, Post Office. Setengahnya mereka melabur dalam saham-saham dan

juga membeli tanah di samping membantu pelajaran anak-anak dan keluarga di kampung asal dan sebagainya.

Saya ingin juga memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di Rancangan Taib Andak dalam kawasan Yang Berhormat itu, sebilangan besar peneroka-peneroka telahpun mengganti rumah-rumah asal mereka yang disediakan oleh FELDA dengan rumah-rumah baru, sebahagian besarnya ialah rumah-rumah batu yang besar dan indah.

Berkenaan dengan hiburan yang diadakan di rancangan-rancangan FELDA, seperti yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu keadaan yang sebenarnya adalah terkawal. Sungguhpun demikian kita tidak dapat menafikan bahawa manusia di mana-mana sahaja perlu kepada hiburan tambahan pula di rancangan-rancangan FELDA yang terpencil, jauh terletak daripada bandar-bandar besar di mana tidak terdapat pusat-pusat hiburan ataupun panggung-panggung wayang.

Walau bagaimanapun, hiburan-hiburan yang disalurkan ke projek-projek FELDA adalah berlainan daripada corak hiburan yang biasa terdapat di tempat-tempat lain. Misalnya, Orkes Al-Watan yang dibawa menjelajahi ke rancangan-rancangan FELDA tidak lama dahulu ialah satu kumpulan dakwah yang menggunakan seni muzik dan seni suara sebagai alat, senikata-senikata yang dihidangkan kepada peneroka-peneroka oleh Orkes ini adalah berunsur pengajaran untuk memberi kesedaran, keinsafan serta menyuarakan cinta kepada Allah dan ugama, menggesa umat untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Pada pandangan saya ianya telah meninggalkan kesan yang baik kepada masyarakat rancangan FELDA khususnya.

Begitu juga pasukan pementasan bergerak ataupun lebih terkenal dengan nama "bangsawan". Cerita-cerita yang telah dihidangkan kepada peneroka adalah digubah khas untuk disesuaikan dengan cita-cita negara di bidang pembangunan di mana dimasukkan ajaran-ajaran ke arah kebaikan, nasihat-nasihat yang berguna seperti menggalakkan peneroka-peneroka berjimat, hidup berbaik-baik dengan rukun damai antara satu sama lain, menasihatkan mereka supaya bekerja dan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dan sebagainya.

Dengan ini, jelaslah FELDA telah berjaya menggunakan seni bangsawan itu sebagai alat pembangunan. Usaha-usaha FELDA dalam hal ini telah juga mendapat kerjasama dan sambutan yang baik daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan pertumbuhan-pertumbuhan kebudayaan di negara ini.

Satu perkara yang penting yang juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti ialah tentang potongan-potongan hutang yang akan ditambahkan oleh FELDA bagi peneroka-peneroka di rancangan kelapa sawit memandangkan pendapatan mereka yang tinggi pada masa ini. Sebenarnya apa yang akan dilaksanakan oleh FELDA ialah sekiranya seseorang peneroka atau peserta beroleh pendapatan yang lebih daripada \$500 sebulan, maka sebahagian daripada pendapatan yang berlebihan ini akan digunakan bagi pembayaran hutangnya dan sebahagian lagi dimasukkan ke dalam Tabung Simpanan Khas dengan tujuan membantu mereka di masa hadapan sekiranya pendapatan mereka itu merosot kelak—takdirnya harga minyak kelapa sawit turun di masa-masa hadapan. Faedah keuntungan akan juga dibayar dengan kadar yang sama dengan bank simpanan nasional. Tindakan-tindakan yang diambil ke arah ini adalah bagi faedah peneroka itu semata-mata.

Pembayaran balik hutang kepada FELDA dengan kadar yang berlebihan ini adalah juga akan menguntungkan peneroka-peneroka itu sendiri. Sekiranya mereka membayar dengan kadar yang berlebihan, maka hutang mereka akan selesai dengan lebih lekas dan bebanan peneroka-peneroka adalah berkurangan kerana faedahnya juga ikut berkurangan. Walau bagaimanapun, scheme ini masih dalam kajian.

Berkenaan dengan kawasan seluas 800 ekar di Kampung Bahagia, Rancangan Taib Andak Kulai, yang kononnya telah dimajukan oleh peneroka-peneroka sendiri dan telah diambil alih oleh FELDA, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kawasan 800 ekar ini adalah kawasan dusun yang diberi kepada peneroka-peneroka untuk dimajukan bagi tanaman buah-buahan dan sebagainya.

Tiap-tiap peneroka diuntukkan dua ekar dan luas kawasan yang telah dimajukan oleh peneroka adalah terdiri daripada 200 ekar sahaja daripada kawasan seluas 800

ekar ini. Walau bagaimanapun, kawasan ini telah tidak dapat dimajukan dengan sempurna dan beberapa bahagian kawasan ini telahpun dinaikiki belukar semula. Maka bagi menyelamatkan kawasan ini dan juga dengan persetujuan sebahagian besar daripada peneroka-peneroka sendiri, FELDA telah mengambil alih kawasan-kawasan dusun ini dan telah ditanam semula dengan kelapa sawit yang lebih menguntungkan peneroka-peneroka.

Kawasan seluas 800 ekar ini yang telah sempurna di tanam dengan kelapa sawit akan diserahkan kepada peneroka-peneroka yang berkenaan apabila belanja pembangunan telah dapat dikutip balik oleh FELDA. Maka perkara ini tidak seharusnya menjadi satu masalah kepada peneroka-peneroka.

Akhir sekali saya ingin juga menyentuh tentang pegawai-pegawai dan kakitangan FELDA yang mengikut Ahli Yang Berhormat dari Panti sangat-sangat tidak memuaskan, dari segi memberi bimbingan kepada peneroka-peneroka. Saya mengaku bahawa segolongan besar daripada pegawai-pegawai FELDA terutama sekali pengurus-pengurus rancangan adalah terdiri daripada golongan yang muda.

Ada di antara mereka yang mempunyai kelemahan-kelemahan dalam bidang kemasyarakatan dan sebagainya. Pengurus-pengurus FELDA mempunyai dua peranan yang penting; satu bagi kemajuan ladang dan satu lagi bagi pembangunan peneroka. Maka kadang kala terdapat seseorang itu baik dalam satu jurusan sahaja dan lemah dalam jurusan yang lain.

Hakikat ini adalah disadari oleh saya dan juga oleh pihak FELDA sendiri, dengan itu telah diadakan kursus yang terutama sekali dalam bidang pembangunan peneroka untuk mengatasi keadaan yang ada sekarang. Insya Allah, dengan latihan-latihan yang begitu pesat yang sedang dijalankan oleh FELDA, mutu perkhidmatan pegawai-pegawai FELDA akan bertambah baik dan dengan dedikasi yang sudah ada pada mereka di masa-masa yang ke hadapan kelak perkara ini akan dapat diatasi. Bagi menjamin kejayaan projek-projek FELDA dan projek-projek pembangunan tanah yang lain pihak Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah Institusi Pembangunan Tanah dalam tahun 1975 ini.

Dengan adanya Institusi ini latihan-latihan yang lebih pesat, lebih sistematik, lebih teratur, khasnya di dalam bidang pembangunan peneroka akan dapat diadakan. Ini akan dapat mengatasi sebahagian besar dari masalah yang timbul sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada juga menyentuh di sana-sini berkenaan dengan masalah FELDA, tetapi saya rasa memadai dengan penerangan yang telah saya berikan tadi, saya percaya segala keraguan dan kemuskhilaran Ahli-ahli Yang Berhormat itu telahpun terjawab dengan ulasan saya dalam menyentuh perkara-perkara yang telah disentuh atau dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

3.31 ptg.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah berucap dan menarik perhatian Dewan kepada kerja-kerja dan rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Pada amnya, saya dapati banyak sokongan yang telah diberikan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk menambah pengeluaran pertanian, ternakan dan perikanan, lebih-lebih lagi usaha untuk meninggikan bukan sahaja pendapatan petani-petani, peladang-peladang dan nelayan-nelayan, tetapi juga taraf penghidupan masyarakat luar bandar pada keseluruhannya dengan didikan latihan dan pimpinan melalui kelas-kelas masyarakat, kemudahan-kemudahan jalan, rumah-rumah pekan-pekan sehari, pekan-pekan kecil, rumah-rumah kedai dan sebagainya. Beberapa teguran telah dibuat dengan tujuan memperbaiki dan memperbanyakkan lagi usaha-usaha yang dijalankan itu yang mana mendapat perhatian yang berat oleh Kementerian ini.

Ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan fikirannya tentang masalah pengeluaran bahan-bahan makanan untuk meringankan bebanan penduduk atau rakyat negeri ini bagi menghadapi harga barang-barang keperluan yang masih naik. Dalam pengeluaran beras, Kerajaan telah mengubah dasar tanaman padi supaya pengeluarannya akan mencukupi keperluan beras

negara. Daripada semenjak tercapainya kemerdekaan negara, Kerajaan telah menjalankan rancangan mengeluarkan lebih banyak barang-barang keperluan makanan di negeri ini.

Dari kawasan tanaman padi yang berjumlah seluas 935,620 ekar yang telah diusahakan, sebanyak 545,370 ekar telahpun ditanam dua kali setahun dengan adanya kemudahan bekalan air yang dibina oleh Kerajaan dengan memakan belanja berjuta-juta ringgit. Walaupun Kerajaan menggalakkan tanaman padi dua kali setahun dan meluaskan lagi tanah untuk perusahaan padi, tetapi usaha itu adalah dijalankan semata-mata di tanah-tanah yang difikirkan boleh mendatangkan faedah ekonomi kepada petani-petani. Tanah-tanah sawah yang tidak mendatangkan faedah yang cukup adalah ditukar dengan tanaman lain yang lebih sesuai yang boleh mendatangkan faedah kepada petani-petani itu.

Misalnya, sekeping tanah seluas 3,000 ekar di Balek Pulau, di Pulau Pinang, yang telah ditanam dengan tanaman padi dari semenjak beberapa tahun yang lalu dan didapati pada hari ini perolehan petani-petani di situ tersangat rendah. Pukul rata pada seekor pendapatan padi di situ hanya di antara 100-150 gantang sahaja. ini tidak ekonomik. Oleh sebab itu, Kementerian ini telah memberi nasihat kepada petani-petani di situ supaya mengubah tanaman mereka kepada satu tanaman yang lebih baik dan memberi faedah. Air untuk bekalan menanam padi dua kali setahun tidak boleh didapati di situ. Jadi nyatalah jika tanaman padi dikekalkan di situ, maka rakyat di kawasan itu tertinggal miskin selamanya. Apa yang perlu dijalankan oleh Kementerian ini ialah mengadakan drainage ataupun saluran-saluran mengeringkan tanah-tanah di situ supaya pokok kelapa, nenas dan koko boleh ditanam menggantikan padi itu. Ini adalah sebagai jawapan saya kepada ucapan yang diberi, oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Sepang. Saya berharap ucapan saya yang telah saya buat di Pulau Pinang itu tidak akan membangkitkan keraguan penanam-penanam padi diseluruh negara, kerana Kerajaan akan tetap meneruskan usaha menggalakkan penanaman padi, kerana Kerajaan bercadang hendak mengadakan makanan yang cukup bagi negara kita.

Peruntukkan bagi melaksanakan rancangan pengairan dalam Rancangan Malaysia Pertama ialah \$289,642,000 dan dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah \$168,344,000. Jabatan telah membelanjakan \$345,125,000 sehingga akhir 1973. Sebanyak \$85,809,000 telah dibelanjakan dari peruntukkan \$168,344,000 untuk rancangan pengairan Malaysia Kedua ini. Perbelanjaan tahun ini dianggar sebanyak \$31,373,000 dari peruntukkan sebanyak \$41,349,130 yang akan dibelanjakan sehingga akhir tahun ini. Rancangan pengairan kecil yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kedua berjumlah \$7,000,000 meliputi kawasan yang akan mendapat faedah seluas lebih kurang 100,000 ekar.

Dalam tahun 1973 kerja-kerja yang dijalankan ialah sebanyak 276 buah rancangan untuk membaiki bekalan air bagi 38,200 ekar sawah padi dengan belanja \$1,712,987. Tahun ini 263 buah rancangan telah diluluskan dengan memakan belanja lebih kurang \$2,000,000 untuk faedah 39,110 ekar.

Mulai dari tahun ini kerajaan telah meluluskan rancangan bantuan baja urea untuk tanaman padi. Sebanyak 60,400 tan baja urea telah dibeli. Perbelanjaan subsidi ini dianggarkan memakan belanja sebanyak \$52,000,000. Bantuan baja ini adalah untuk tanaman padi sahaja dan berjalan di seluruh Malaysia. Tiap-tiap penanam padi boleh membeli baja urea itu melalui Pertubuhan Peladang sebanyak 3 kampil seekar dengan harga \$10 sahaja satu kampil yang beratnya 44 paun.

Selain daripada bantuan baja urea itu, Kerajaan juga mengadakan Bantuan Tanaman Ladang bagi menggalakkan usaha menanam pokok-pokok buah-buahan dan tanaman perniagaan. Bantuan ini merupakan pemberian benih baka baik, baja-baja dan kimia pertanian. Peruntukan pada tahun ini ialah \$4,600,000 dan sehingga ini sebanyak \$2,292,498 telah dibelanjakan. Seluas 18,171 ekar tanah telah ditanam dengan benih-benih ini. Rancangan ini dijalankan di semua negeri dan bantuannya boleh didapati daripada Pejabat-pejabat Pertanian Negeri. Bantuan benih-benih sayur-sayuran telah juga diberi. Sebanyak 161,228 packet bagi 15 benih sayur-sayuran telah disebarkan oleh Pejabat-pejabat Pertanian. 100,000 kampil kecil benih bagi tanaman seperti timun, petola, dan jagung manis, bendi, kacang

paniang, bayam, kankong sudah disediakan sekarang untuk dikeluarkan oleh Pejabat-pejabat Pertanian.

Bagi sesiapa yang hendak bertanam pokok-pokok buah-buahan dalam kawasan rumah masing-masing, maka anak pokok baka baik boleh dibeli dengan harga \$2 sepokok dari mana-mana stesyen Pertanian. Belian untuk tanaman ladang terpaksa dipesan lebih dahulu dari Pejabat Pertanian. Nasihat bagaimana cara menanam pokok jenis baja yang hendak digunakan dan lain-lain perkhidmatan lanjutan boleh diminta dari pejabat-pejabat dan stesyen-stesyen pertanian. Benih-benih yang telah dikeluarkan dalam tahun ini ialah seperti berikut:

(a) Durian	11,128	pokok
(b) Rambutan	5,348	..
(c) Jambu Batu	4,404	..
(d) Belimbing	2,088	..
(e) Mangga	1,697	..
(f) Nangka dan Cem- pedak	964	..

Mengenai pemeliharaan ternakan untuk pengeluaran daging dan susu. Rancangan ini perlu mengambil masa. Biasanya hasil pemeliharaan ternakan lembu dan kerbau cara besar-besaran hanya dapat dilihat hasilnya selepas 8 ataupun 10 tahun. Peruntukkan bagi Rancangan Pawah dan Pemiakan Ternakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah \$6,270,000 iaitu untuk lembu, kerbau, kambing dan babi. Peruntukannya bagi 1974 ialah \$1,055,00. Sebanyak 3,484 ekor lembu, 1,921 ekor kerbau 250 ekor kambing dan 1,000 ekor babi telah diberi kepada petani-petani untuk ternakan pawah. Walaupun demikian, usaha ternakan pawah ini sedang di kaji semula samada hendak diteruskan ataupun hendak diberhentikan. MAJUTERNAK telah membuka tujuan rancangan seluas 30,000 ekar semuanya. Hingga sekarang 9,320 ekar telah dibersihkan sementara 7,600 ekar ditanam dengan rumput. 4,556 ekor lembu telah diletakkan di rancangan ini. Oleh kerana ibu ternakan di negeri ini sudah kekurangan, maka lembu-lembu terpaksa dibawa masuk dari luar negeri untuk sembelihan mahupun untuk pemeliharaan. MAJUTERNAK telah mengimpot sebanyak 2,695 ekor lembu dari luar negeri dengan belanja sebanyak 2,272,180. 2,164 adalah untuk sembelihan.

Jabatan Haiwan pun telah membeli sehingga tahun ini sebanyak 250 ekor lembu, 290 ekor kerbau, 45 ekor kambing dan 115 ekor babi dengan harga \$687,000 semuanya. Pusat Penetasan Ayam telah mengeluarkan sebanyak 700,000 ekor setahun anak ayam yang dijual di Johor, Selangor, Negri Sembilan, Pulau Pinang dan Kedah dengan harga 50 sen seekor, broiler dari 70 sen yang berumur sehari. Nasihat dan perkhidmatan lanjutan boleh diminta dari mana Pejabat Haiwan yang juga memberi suntukan bagi penyakit ayam, rawatan binatang sakit dengan mengenakan bayaran yang kecil sekali.

Mengenai masalah nelayan yang dibangkitkan oleh Ahli dari Beruas saya telah memberi keterangan yang lanjut tatkala menjawab soalan Ahli Kawasan Bachok pada 26-11-1974. Hanya saya suka menambah bahawa nelayan-nelayan perlu menjadi ahli dalam Pertubuhan Nelayan dan cuba mengubah cara menangkap ikan pergi ke lautan dalam di lautan antarabangsa. Adalah jelas dari laporan yang diterima bahawa sumber ikan di pantai kita sangatlah berkurangan. Oleh kerana sudah banyak pukut tunda dan lain-lain jenis alat penangkapan ikan maka didapati tangkapan ikan telahpun merusut, setengah-setengah nelayan akan terpaksa mengubah pekerjaan yang lain.

Pada tahun ini sehingga bulan Jun seramai 6,078 orang jumlah semuanya dibanding dengan 9,998 orang dalam tahun 1974 telah diberi latihan pertanian, ternakan dan memelihara ikan dalam kolam di Pusat-pusat Latihan Pertanian Luar Bandar, Pusat Latihan Ternakan dan Ternakan Ikan di dalam berbagai-bagai kursus di antara selama satu hari hingga ke enam bulan mengikut keperluan dan jenis kursus itu masing-masing Kelas-kelas KEMAS telah melatih seramai 11,817 orang dalam berbagai bidang latihan sebagai urusan rumahtangga, nilai pemakanan, kemahiran dan pertukangan tangan, tatarakyat dan kelas dewasa. Kelas-kelas didikan guru tadika kampung pun diuruskan juga dan seramai 120 orang telah dilatih tahun ini. Perbelanjaan yang dikeluarkan bagi KEMAS ialah sebanyak \$5.4 juta hampir semuanya telahpun dibelanjakan.

Berbagai-bagai rancangan pertanian pula dijalankan oleh MARDI di seluruh Malaysia iaitu termasuk di Sabah dan Sarawak yang

diuruskan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri. MARDI juga telah membuat percubaan-percubaan tanaman di atas tanah-tanah peladang dengan penyertaan peladang-peladang sendiri. Cara yang baharu ini didapati sangat berkesan dari segi memindahkan pengetahuan dan teknologi kepada peladang-peladang terutamanya dalam usaha memperbakkakan benih padi baharu.

Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sedang menyediakan rancangan-rancangan baru bagi memenuhi kehendak Dasar Ekonomi Baru dan menyediakan makanan yang cukup bagi negara pada masa yang akan datang. Adalah diharapkan bahawa rancangan itu akan dapat disiapkan pada bulan hadapan dan apabila telah diluluskan oleh Majlis Tindakan Negara maka rancangan itu akan dijalankan dengan secara besar-besaran.

Saya suka mengulangi di sini kenyataan yang telah saya buat di luar Dewan. Negara kita berkehendakkan lebih kurang 500,000 ekar tanah baru bagi mengeluarkan makanan yang cukup, buah-buahan yang lebih banyak, ternakan dan juga menyediakan bahan-bahan tanaman bagi makanan binatang-binatang. Jadi nyatalah bahawa Kerajaan pada keseluruhannya telahpun menjalankan secara raksaksa, rancangan-rancangan pertanian bagi menambahkan makanan dan memperbaiki lagi nasib hidup rakyat negeri ini, dan Kerajaan tidak akan berhenti setakat itu sahaja. Kerajaan sedang menyediakan rancangan-rancangan yang lebih raksaksa bagi masa yang akan datang.

Segala teguran Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dipandang tinggi menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mempunyai kesedaran atas masa hadapan negara dan memberi pandangan yang berat terhadap Kementerian ini, yang mana sekali lagi saya suka hendak mengucapkan terima kasih kepada setiap orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dalam soal ini.

3.48 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi perhatian dan pendapat mengenai tugas-tugas serta kegiatan Kementerian saya. Saya hanya ingin

menyentuh beberapa perkara yang ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini. Perkara-perkara tersebut ialah berhubung dengan "Commercial Intelligence", kawalan impot, pengedaran barang-barang melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, lindungan tarif dan harga barang-barang, penambahan jumlah pegawai-pegawai Penguatkuasa di Kementerian, sistem tanda-harga, peranan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam usaha menggalakkan pelaburan di bidang industri dan memajukan pelancungan, serta peranan Kementerian di dalam usaha menggalak penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Maran supaya ditubuhkan sebuah yunit "Commercial Intelligence", saya sukalah menyatakan iaitu di Kementerian saya sudahpun ada satu Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan, sebuah Yunit Maklumat Perdagangan (Commercial Information Unit) dan beberapa Jawatankuasa Khas mengenai berbagai perkara tertentu yang terlibat dalam tugas-tugas meramalkan kedudukan ekonomi dunia yang ada hubungannya dengan usaha-usaha Malaysia menggalakkan perkembangan industri dan perdagangan. Oleh itu, saya berpendapat tidaklah perlu ditubuhkan lagi sebarang jentera tambahan bagi tugas yang sama.

Di atas cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu supaya Kerajaan mengawal impot barang-barang yang tidak perlu supaya keadaan kedudukan imbangannya pembayaran tidak seimbang dapat diperbaiki, sukalah saya menyatakan, pihak Kementerian saya mengkaji kemungkinan mengenakan sekatan impot ke atas barang-barang yang difikirkan tidak perlu.

Mengenai cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (S.E.D.C.) membekalkan barang-barang kawalan seperti beras dan gula kepada orang ramai, ingin saya menjelaskan bahawa langkah ini telahpun diambil oleh beberapa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan pada ketika ini 5 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah mengendalikan bukan sahaja gula bahkan tepung juga.

Terpulanglah rasa saya, kepada badan-badan ini untuk mengendalikan barang-barang keperluan yang lain.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa pengeluar-pengeluar dan pengilang-pengilang yang mendapat perlindungan tarif daripada Kerajaan adalah tertakluk kepada syarat di dalam mana mereka terpaksa mendapat kebenaran daripada Kerajaan sebelum menaikkan lagi barang-barang keperluan mereka yang dikeluarkan. Syarat ini telah dikenakan semenjak tahun 1971 dan jika benar ada syarikat berkenaan yang melanggar syarat tersebut, silalah beritahu saya ataupun Kementerian saya supaya tindakan dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka juga mendakwa pihak pengguna-pengguna tidak dipanggil mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan mengenai kenaikan harga. Saya ingin menyatakan di sini iaitu pihak Kerajaan mengkaji kepentingan semua pihak samada pengguna-pengguna mahupun pekerja-pekerja di dalam perusahaan yang membuat permohonan untuk menaikkan harga dan juga pengilang-pengilang tempatan yang berkenaan sebelum membuat keputusan samada melulus, meminda atau menolak permohonan menaikkan harga satu-satu barang terutama satu-satu barang yang dikawal (controlled item). Pihak Kerajaan mengkaji segala faktor-faktor yang berkenaan seperti kenaikan kos keluaran (production cost) termasuk gaji pekerja dan harga bahan mentah dan minyak. Kerajaan juga memberi perhatian yang berat kepada kesan-kesannya terhadap pengguna jika permohonan menaikkan harga dilulus atau ditolak. Ada kemungkinan para pengilang mungkin terpaksa mengurangkan pengeluarannya ataupun jumlah pekerjaannya jika mereka tidak dapat menjualkan barang-barang keluaran mereka dengan harga yang berpatutan dan sesuai dengan kenaikan kos yang dialami oleh mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tentu akan mengancam Kerajaan apabila berlaku kekurangan sesuatu barang keperluan yang tertentu oleh kerana kilang-kilang ini sebagaimana saya katakan tadi tidak dapat mengeluarkan barang-barang setakat mana yang biasa dikeluarkan oleh kerana kenaikan harga pengeluaran ataupun apabila pekerja-pekerja kilang yang berkenaan dibuang oleh kilang-kilang sudah tentu akan menyebabkan ada Ahli-ahli Yang

Berhormat mungkin pula mengecam Kerajaan kerana pekerja-pekerja di kilang banyak dibuang, oleh kerana pihak pengilang terpaksa mengurangkan guna-tenaga di dalam kilang-kilang masing-masing disebabkan harga mengeluarkan barang-barang itu adalah tidak berpadanan dengan harga pengeluarannya.

Saya juga ingin menegaskan di sini iaitu Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna mempunyai seorang wakil dalam Jawatankuasa Mengkaji Semula Harga (Price Review Committee). Wakil tersebut sentiasa dijemput memberi pandangannya terhadap permohonan-permohonan yang diterima di mana segala butir-butir kenyataan tentang sebab-sebab bagi satu-satu kilang perusahaan itu bertujuan menaikkan harga barang-barang itu dibentangkan dan dikaji dengan teliti oleh Jawatankuasa ini. Walau bagaimanapun, tanggungjawab Majlis tersebut ialah untuk memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang melibatkan pengguna. Tanggungjawab muktamat untuk melulus, meminda atau menolak permohonan menaikkan harga adalah terletak sebagaimana yang saya telah jelaskan baru-baru ini kepada Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Yang Berhormat dari Johor Bahru meminta Kerajaan menambah bilangan pegawai-pegawai Penguatkuasa ataupun di Bahagian Enforcement di Kementerian. Saya ingin menyatakan iaitu Kerajaan memang sedar bahawa satu jentera penguatkuasa yang lengkap dan berkesan adalah perlu bagi mengatasi kesulitan-kesulitan berkaitan dengan bekalan dan kenaikan harga yang keterlaluan. Tindakan sedang diambil dan perhatian sewajarnya telah diberi untuk memperkukuh dan memperkemaskan lagi Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini dengan menambah bilangan pegawai-pegawainya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap menyatakan sistem tanda harga barang-barang keperluan yang dijalankan sekarang telah memberi peluang kepada peniaga-peniaga mengambil kesempatan untuk menindas rakyat dengan berbagai cara.

Soal tanda harga ini telah beberapa kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Nampaknya masih ada lagi keraguan tentang

maksud tanda harga ini di kalangan ahli-ahli. Maka perlu dijelaskan sekali lagi iaitu tujuan tanda harga ialah untuk memberi kesempatan kepada pembeli-pembeli meninjau dan membanding harga-harga yang ditandakan peniaga-peniaga ataupun pekedai-pekedai. Sekiranya di satu kedai itu harganya ditandakan lebih tinggi dari sepatutnya maka terpulanglah kepada pembeli itu sendiri samada hendak membeli barang itu daripada pekedai tersebut atau daripada pekedai lain yang menandakan harga barang itu dengan harga yang lebih murah lagi, atau membuat laporan ke Kementerian berkenaan mengenai harga mahal yang dikenakan di kedai tersebut terhadap barang-barang yang berkenaan.

Berkenaan dengan bekalan minyak tanah, orang ramai atau pengguna-pengguna telah pun dinasihat sekiranya ada berlaku kekurangan bekalan minyak tanah, atau lain-lain barang-barang kawalan diberitahu perkara ini secepat mungkin kepada Bahagian Penguatkuasa supaya kesulitan bekalan dapat diatasi dengan syarikat-syarikat pembekalan yang berkenaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus mendakwa, Negeri Trengganu tidak dapat menarik pelaburan asing kerana keadaan negeri itu. Di sini saya ingin menjelaskan sekali lagi dan sebahagian telah dijelaskan baru-baru ini bahawa peranan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam menarik pelaburan ke dalam negeri ini adalah sama berat. Apa yang penting sekali yang diperlukan di dalam proses pembangunan perindustrian, ialah persediaan infrastruktur yang cukup termasuk kawasan perindustrian yang lengkap mempunyai sistem jalan dan pengangkutan, bekalan air, elektrik, talipon, tenaga kerja, rumah kediaman untuk pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja kilang-kilang perindustrian yang dicadangkan itu.

Infrastruktur ini hanya dapat disediakan dengan banyaknya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Apabila ianya sudah lengkap, industri-industri sudah tentu akan datang dengan sendirinya. Galakan-galakan kewangan ataupun incentive yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dari segi taraf perintis umpamanya hanyalah merupakan sebagai catalyst dorongan di dalam proses

pembangunan perindustrian ini. Galakan-galakan pelaburan ini tidak akan membawa erti apa-apa jikalau perkara-perkara infra-structure fizikal yang menjadi asas pembangunan ini tidak diadakan terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga berkata Trengganu adalah sesuai bagi perusahaan pelancungan tetapi tidak mendapat perhatian.

Saya suka menyatakan iaitu Kerajaan yakin bahawa bukan sahaja Trengganu bahkan semua negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah sesuai bagi perusahaan pelancungan. Dalam usahanya untuk memperkembangkan pelancungan di Pantai Timur, Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah mempelawa pelabur-pelabur asing melawat kawasan itu dengan tujuan hendak menarik mereka menubuhkan kompleks peranginan di situ.

Umpamanya, pihak Club Mediterranee dari Paris telah melawat Trengganu dan Pahang tetapi mereka telah memilih Cherating di Pahang untuk menubuhkan kompleks mereka yang pertama kali di Malaysia. Dengan tertubuhnya kompleks ini kelak, ada kemungkinan pelabur-pelabur lain akan tertarik ke Pantai Timur dan Trengganu nescaya tidak akan ketinggalan. Sekarang ini Perbadanan Kemajuan Pelancungan mempunyai motel 20 bilik di Bukit Pak Apil, di Kuala Trengganu dan sebuah lagi motel 66 bilik dijangka akan mula dibina di Rantau Abang, Trengganu, pada awal tahun hadapan. Dengan ini nyatalah bahawa perhatian sedang diberi kepada perkembangan pelancungan di Trengganu. Perbadanan tersebut juga sedang menyediakan satu Pelan Induk bagi memajukan perusahaan pelancungan dengan lebih pesat lagi. Pelan Induk tersebut juga akan meliputi kawasan Pantai Timur termasuk juga Negeri Trengganu.

Yang Berhormat dari Johor Bahru menyeru supaya Kerajaan berhati-hati di dalam meluluskan projek-projek industri supaya ianya tidak terdiri dari kilang-kilang yang cepat terlibat dengan kemerosotan ekonomi. Saya ingin menjelaskan iaitu keadaan pasaran dunia untuk berbagai jenis barang mengalami pada masa ini kesukaran dari masa ke semasa dan adalah mustahil untuk mengelakkan sesuatu industri tertentu tidak akan terlibat dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, dasar Kerajaan untuk mem-

perbagaikan jenis-jenis industri yang dimajukan di negara ini telah diperhebatkan. Kerajaan sekarang menekankan pertumbuhan perusahaan yang berasaskan hasil pertanian termasuk makanan. Kita juga telah mengambil tindakan untuk memperbagaikan sumber-sumber pelaburan asing. Setakat ini pelaburan asing di Malaysia datang dari 32 buah negara. Jumlah perusahaan bersama dengan Amerika Syarikat misalnya, ialah 59, negeri Jepun 86, United Kingdom 64, Republik Persekutuan Jerman 14, Belanda 9, Denmark 5, Italy 3 dan Sweden 2.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyeru supaya di dalam joint-venture ataupun penyertaan bersama di antara pemodal-pemodal tempatan dengan pemodal-pemodal asing maka bilangan penyertaan saham di kalangan tempatan mestilah lebih banyak daripada pemodal-pemodal asing. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa ini adalah dasar Kerajaan, apabila permohonan dibuat oleh pelabur-pelabur asing untuk mengadakan penyertaan bersama (joint-venture) di dalam satu-satu projek di sini, mereka itu diberitahu satu daripada syarat yang penting iaitu kebanyakan daripada saham yang akan dikeluarkan oleh syarikat itu mestilah dipegang oleh orang-orang tempatan. Dan suka saya menyatakan bahawa mengikut kajian yang telah dibuat, purata bilangan syer yang dikuasai (control) oleh orang-orang tempatan sendiri adalah tidak kurang daripada 70%. Kerajaan juga sedang giat berusaha menggalakkan pelabur-pelabur dari Negara-negara Arab sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru maklum, dua rombongan perniagaan telah kita hantar melawat keadaan di Timur Tengah. Satu daripada rombongan ini baru sahaja balik daripada lawatannya ke negara-negara yang berkenaan itu, dan telah menyatakan bahawa lawatan mereka ini telah membawa hasil yang sungguh menggalakkan.

Selain daripada itu, kita juga telah menubuhkan satu kedutaan di Negara Kuwait dan juga telah mengadakan pejabat-pejabat perdagangan di beberapa tempat dan kita berharap pada masa hadapan kita akan mengadakan lebih banyak lagi pejabat-pejabat perdagangan di tempat-tempat ataupun di Negara-negara Timur Tengah.

Selain daripada itu, baru-baru ini kita telah berkesempatan menerima lawatan daripada satu rombongan peniaga-peniaga yang

datang daripada Kuwait dan negara-negara Arab yang berdekatan, dan suka saya menyatakan bahawa di dalam perbincangan yang telah diadakan di antara mereka dengan pihak Kementerian dan juga pihak-pihak swasta di negara ini, langkah telah dijalankan untuk kita mengadakan perhubungan dari segi perdagangan yang lebih erat, lebih baik yang saya yakin akan mewujudkan suatu kerjasama ataupun penyertaan bersama (joint-venture) di dalam bidang perniagaan dan perindustrian di antara peniaga-peniaga di dalam negara kita dan dengan peniaga-peniaga yang ada di dalam Negara-negara di Timur Tengah.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengesahkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi nasihat yang perlu bagi bumiputra untuk menialankan perusahaan. Perkara ini sudah pun dilaksanakan. Saya ingin memaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan ada membuat kajian-kajian feasibility kepada beberapa projek yang boleh dijalankan oleh bumiputra dan bumiputra-bumiputra yang berkemampuan bolehlah berhubung terus dengan Lembaga ini. Di samping itu Kementerian telahpun menubuhkan Bahagian Penyertaan Bumiputra khas untuk membantu dan memberi nasihat kepada Bumiputra yang ingin mencebur diri dalam bidang ini dan yang juga menghadapi masalah mengenai-nya. Pegawai-pegawai Bahagian ini adalah bersedia sedaya upaya mereka untuk membantu bumiputra dalam hal ini, pada bila-bila masa sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga mengesahkan supaya diadakan dialog di antara bumiputra dan bukan bumiputra dalam mencapai kerjasama dalam perniagaan. Saya suka menjelaskan di sini iaitu sememangnya menjadi tugas harian Bahagian Penyertaan bumiputra mengadakan dialog dan perbincangan di antara Bahagian ini dengan bumiputra dan di antara Bahagian ini dengan bukan bumiputra dan firma-firma supaya timbul kerjasama dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Segala masalah mengenai pencapaian matlamat ini dan strategi yang perlu diambil untuk mengatasinya adalah senantiasa dibentangkan untuk perhatian semua pihak. Untuk tahun hadapan Bahagian ini akan memusatkan aktibitinya di peringkat "grass-root" dengan bertitik pada pegawai-pegawai Bahagian ini akan mencuba menjelajah keseluruhan negara guna mendapat-

kan "first-hand knowledge" mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputra.

Yang Berhormat dari Sungai Siput menimbulkan mengenai kesulitan kontraktor-kontraktor bumiputra mendapat bekalan bahan-bahan binaan seperti simen. Saya ingin menjelaskan iaitu pada masa ini bekalan simen adalah kurang. Ini ialah kerana perusahaan pembinaan telah berkembang terlalu pesat dan perancangan di bidang bekalan adalah tidak begitu banyak. Kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat impot untuk membolehkan sesiapa sahaja mengimpot simen tanpa membuat permohonan permit impot. Cukai impot simen juga telah dikurangkan dari \$12 menjadi \$2 satu tan untuk menggalak pengimpotan simen. Sebagai langkah tambahan, Kerajaan juga membantu para kontraktor semua kaum untuk mendapatkan bekalan simen dan besi keluli dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kontraktor-kontraktor yang mendapat kontrak membina projek-projek Kerajaan bolehlah menghubungi Kementerian saya untuk mengambil kesempatan daripada perkhidmatan bekalan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi juga telah membangkitkan masalah ataupun menyeru supaya pemodal-pemodal luar negeri diingatkan tentang dasar-dasar Kerajaan dalam menjalankan perniagaan mereka di sini. Bagi menjawabnya, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan, menerusi Kementerian saya dan Kementerian lain juga adalah sentiasa mengingatkan syarikat-syarikat pemodal luar negeri tentang perlunya mereka mengikuti syarat-syarat yang telah dikenakan kepada mereka supaya menjamin mereka mematuhi dasar-dasar yang telah di tetapkan oleh Kerajaan. Bagi firma-firma ataupun syarikat-syarikat yang ditubuhkan terutamanya dengan pemberian galakan taraf perintis kita adakan syarat-syarat yang tertentu dari segi perkara pengambilan pekerja, pemberian equity participation ataupun penyertaan bersama kepada rakyat tempatan dan Kementerian saya dengan menggunakan Bahagian Penguatkuasa ataupun Enforcement Division adalah sentiasa mengawasi syarat-syarat yang telah dikenakan kepada syarikat-syarikat perusahaan ini terutamanya yang telah diberi taraf perintis itu adalah mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan kepada mereka itu.

4.06 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran-teguran dan juga pandangan-pandangan serta memberikan syor-syor bagi membaiki lagi masaalah kesihatan di negara kita ini. Berikutan dengan beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menjelaskan pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Bagi menjawab masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Star mengenai bangunan Pesakit Luar Alor Star. Saya sedar bahawa Bangunan Pesakit Luar Alor Star masih belum boleh digunakan walaupun bangunan itu telah siap oleh kerana wayar-wayar letrik belum dipasang. Saya telah diberitahu bahawa konterek yang telah membuat letrik ini telah sanggup menyelesaikan kontereknnya dan pihak Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab di atas projek itu sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masaalah ini.

Berikutan dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Payang mengenai dengan kekurangan pegawai-pegawai perubatan, saya suka menjelaskan bahawa bagi menampung keperluan pegawai-pegawai perubatan tersebut, Kementerian saya dari semasa ke semasa menguruskan pengambilan pegawai-pegawai perubatan daripada negara-negara sahabat. Di samping itu, Kementerian saya juga telah memberi persetujuan kepada Jawatan Perubatan Sarawak untuk membuat pengambilan terus atau direct recruitment pegawai-pegawai perubatan dari negara-negara sahabat bagi menampung kekosongan yang terdapat di negeri tersebut dan tindakan untuk tujuan itu sedang diuruskan oleh Jabatan Perubatan Sarawak dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Sarawak. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa Kementerian saya juga meminjamkan pegawai-pegawai perubatan dari Semenanjung Malaysia untuk berkhidmat di Sarawak dan pada ketika ini terdapat seramai 10 orang pegawai perubatan dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sarawak.

Pada masa ini kedudukan pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan adalah lebih baik dari masa-masa yang lepas. Tiap-tiap tahun semenjak dua-tiga tahun yang lalu lebih kurang 250-300 doktor-doktor baharu menjalankan latihan housemanship mereka di negara kita ini. Mereka semuanya adalah diwajibkan berkhidmat selama dua tahun selepas latihan itu berkhidmat dengan Kerajaan.

Di dalam latihan bagi mendapatkan pegawai-pegawai perubatan, Kerajaan kita mengeluarkan sebanyak 100 biasiswa-biasiswa setahun untuk mengikuti kursus perubatan di negara ini ataupun di seberang laut.

Universiti Malaya pada masa ini mengambil lebih kurang 126 orang penuntut setahun dan saya harap pengambilan ini akan bertambah sampai kepada 160 orang setahun. Dan di Universiti Kebangsaan mengambil 40 hingga 60 penuntut setahun dan bilangan ini akan ditambah pada masa hadapan.

Di dalam kursus kepakaran, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Universiti Malaya telah menjemput Royal College dari Britain dan Australia untuk mengadakan kursus-kursus dan peperiksaan di Kuala Lumpur. Kursus-kursus kepakaran adalah juga dijalankan oleh Universiti Malaya seperti kursus kepakaran Diploma of Public Health, Pathology dan Psychiatry Medicine. Bagi kakitangan Kerajaan biasiswa adalah ditawarkan tiap-tiap tahun untuk mengikuti kursus di seberang laut.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa, saya suka menerangkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua anggaran sejumlah \$7.4 juta telah diuntukkan bagi projek-projek kesihatan bandar atau luar bandar di Sarawak di bawah beberapa pecahan-kepala. Lebih daripada 50 buah klinik-klinik, dispensari dan projek-projek kesihatan yang lain-lain telah dirangka dan banyak daripadanya sudah siap. Selain daripada itu, lebih daripada 130 buah rancangan bekalan air luar bandar juga telah disediakan. Kementerian saya juga telah membeli lebih daripada 30 buah bot-bot dan 17 buah kereta untuk membolehkan pegawai-pegawai kita melawat tempat-tempat yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran mengenai perkhidmatan perubatan di Tuaran, saya suka menjelaskan bahawa di Tuaran ada sebuah dispensari yang memberi rawatan kepada pesakit-pesakit luar, begitu juga sebuah pusat kesihatan disediakan untuk memberi rawatan kesihatan kepada ibu dan kanak-kanak. Sebuah kelinik pergigian bergerak melawat sekolah-sekolah di Tuaran tiga kali dalam sebulan. Kementerian saya sentiasa mengkaji kedudukan perkhidmatan perubatan kesihatan dan pergigian, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar untuk membaiki lagi perkhidmatan di kawasan-kawasan tersebut. Begitu juga dengan Negeri Sabah langkah-langkah sedang diambil untuk mengkaji kedudukan perkhidmatan di situ dan untuk membaiki lagi taraf kesihatan penduduk-penduduk di Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Hospital Besar Pulau Pinang. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana menarik perhatian saya kepada beberapa hal yang tidak memuaskan hati terhadap Kementerian saya. Saya telah mengarahkan pegawai-pegawai saya untuk memberikan perhatian dan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membetulkan perkara-perkara tersebut.

Berikutan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud mengenai kekurangan jururawat di Sabah, suka saya jelaskan di sini bahawa saya sedar akan kekurangan jururawat di Sabah. Ini adalah oleh kerana dahulunya Sekolah Latihan Jururawat di Sabah hanya dapat mengambil seramai 85 orang penuntut-penuntut sahaja dalam setahun disebabkan oleh kemudahan-kemudahan latihan adalah terhad pada waktu itu, begitu juga penuntut-penuntut ini menghadapi masalah tempat kediaman. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diatasi dan semenjak tahun 1971 Sekolah Latihan Jururawat ini telah menambah pengambilan penuntut-penuntut daripada 85 orang kepada 200 orang setahun. Keadaan ini akan bertambah baik lagi apabila Sekolah Latihan Jururawat dan hospital yang sedang dibina di Kota Kinabalu siap pada kira-kira pertengahan tahun hadapan.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan mengenai kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar di Sabah, perkara ini telahpun saya jelaskan ketika menggulung perbahasan Titah Ucapan di-Raja pada 15hb November yang lalu di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimana, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedar di atas kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar di Sabah. Ini adalah satu masalah seluruh dunia yang melibatkan semua negara yang membangun seperti negara kita. Walau bagaimanapun, hasrat Kementerian saya setiap masa untuk mengadakan lebih banyak lagi doktor-doktor dan pakar-pakar supaya dapat menambahkan lagi bilangan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan tiap-tiap tahun.

Begitu juga dengan permintaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas supaya memberi lebih banyak lagi doktor-doktor di kawasannya, apabila ada lebih ramai doktor yang boleh didapati saya akan hantar doktor itu kelak.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas juga supaya suami-isteri bekerja sama di satu tempat itu boleh mengatasi masalah itu buat sementara waktu sahaja, tetapi ada kemungkinan akan menambahkan lebih masalah jika sekiranya kedua-dua mereka hendak bercuti misalnya. Bagi kenyataan spesifik yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu jika isteri doktor yang berkenaan itu ada mempunyai kelulusan yang diperlukan dan sesuai, maka tindakan adalah diambil pada masa ini untuk dilantik beliau ke dalam jawatan.

Berhubung dengan soalan kekurangan kemudahan-kemudahan bagi rawatan sakit barah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, saya suka menyatakan bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur adalah mempunyai alat-alat kelengkapan yang terbaik dan moden di dalam dunia bahagian ini. Ianya adalah lengkap dan pesakit-pesakit barah tidaklah payah pergi ke seberang laut bagi rawatan seumpama itu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengkaji atas kemungkinan mengadakan pusat-pusat kesihatan kecil bagi rawatan sakit barah untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekali lagi

ialah bilakah kita boleh mendapatkan pakar-pakar barah yang dikehendaki oleh negara kita.

4.29 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

Tuan Yang di-Pertua, cuma ada satu dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini berkenaan dengan Kementerian saya. Walaupun demikian, saya fikir adalah menjadi kewajipan bagi saya memberi sedikit jawapan atau penjelasan.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada menyentuh tentang bangunan-bangunan mahkamah yang dikatakannya terlalu buruk seperti kandang kambing. Kerajaan memang sedar bangunan itu buruk, tetapi tidaklah sebagaimana kandang kambing, ada beberapa bangunan mahkamah yang keadaannya tidak begitu baik, terutama sekali mahkamah-mahkamah rendah yang telah dibina sebelum merdeka, dalam tahun 1957 atau lebih awal lagi iaitu sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua dalam tahun 1939. Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membaiki keadaan ini dan beberapa buah mahkamah baru telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Pertama.

Peruntukan sebanyak \$3.7 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk membina mahkamah-mahkamah baru dan dari jumlah ini lebih \$1.6 juta telah dibelanjakan hingga akhir tahun 1973. Setakat ini 14 buah mahkamah baru telah siap dibina di Sitiawan, Pontian, Kulim, Sungai Siput, Slim River, Lenggong, Kajang, Parit, Kemaman, Tanah Merah, Pasir Putih, Machang, Kuantan dan Dungun. Sebuah mahkamah rendah baru yang berharga \$600,000 sedang dibina di Ipoh dan hampir siap. Pembinaan sebuah mahkamah rendah yang baru bagi Wilayah Persekutuan juga sedang dirancangan.

Selain dari itu, beberapa mahkamah baru sedang dalam rancangan atau pembinaan. Mahkamah-mahkamah sedang dibina di Rembau, Alor Gajah, Alor Setar dan tender-tender telah dipelawa bagi pembinaan mahkamah-mahkamah baru di Parit Buntar, Sabak Bernam, Port Dickson, Rompin dan Pekan. Kerja-kerja sedang dijalankan untuk pembinaan sebuah mahkamah baru di Sibul,

Sarawak dan wang peruntukan telah diluluskan untuk membina mahkamah di Tawau dan di Keningau di Sabah. Adalah dijangka bahawa sebelum akhir Rancangan Malaysia Kedua sekurang-kurangnya 22 buah mahkamah baru akan siap dibina dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua mahkamah-mahkamah baru adalah dilengkapi dengan alat-alat kelengkapan dan perabot baru dan kamar-kamar majistret serta Yang di-Pertua Mahkamah Session adalah dihawa-dinginkan. Sementara itu, Kerajaan sentiasa menjalankan kerja-kerja di mana perlu untuk membaiki pula dengan meminda mahkamah-mahkamah yang ada sekarang dan untuk tujuan ini sejumlah peruntukan sebanyak \$340,000 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Dalam tahun 1973 sebanyak 9 buah mahkamah telah diperbaiki atau dipinda dengan perbelanjaan \$117,000 termasuk menghawa-dinginkan 2 buah Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang dan Melaka. Adalah dijangka 10 buah mahkamah lagi akan dapat diperbaiki dalam tahun ini. Oleh itu, nyatalah bahawa Kerajaan adalah mengambil berat terhadap bangunan-bangunan mahkamah.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan perkara kekurangan majistret-majistret dan jurubahasa-jurubahasa. Bilangan majistret-majistret yang meletakkan jawatan dalam tahun 1973 ialah 9 orang. Dalam tahun ini 7 orang majistret telah meletakkan jawatan untuk memasuki lapangan swasta atau badan-badan berkanun ataupun kerana sebab-sebab persendirian. Sungguhpun bilangan ini adalah lebih besar dari bilangan perletakan jawatan tahun 1972 yang mana 4 orang majistret telah meletakkan jawatan, ini tidaklah bermakna bahawa majistret-majistret telah meletakkan jawatan secara beramai-ramai. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam perkara ini termasuklah:

- (1) Mengambil pesara-pesara sebagai majistret sementara.
- (2) Menaikkan taraf 15 jawatan Tingkatan Biasa kepada jawatan Tingkatan Kanan untuk menjadikan perkhidmatan kehakiman lebih menarik. Ini bermakna kalau seseorang itu baru masuk menjadi majistret atau pegawai perundangan, dalam tempoh 3 tahun atau 4 tahun gajinya boleh melompat naik \$1,500 daripada \$900. Selepas itu naik

\$100 setahun hingga \$1,800. Dengan adanya cara ini nampaknya semenjak kita beri tingkatan baru ini tidak adalah yang meletak jawatan.

- (3) Mewujudkan 2 jawatan di peringkat Tingkatan-tingkatan E mulai Ihb Mac, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga dalam lain-lain jawatan memang sukar bagi Kerajaan hendak menahan seseorang pegawai itu berhenti khususnya pegawai-pegawai bumiputra. Kebanyakan yang berhenti ini ialah pegawai bumiputra dalam jawatan perundangan dan juga majistret, kerana memang Kerajaan menggalakkan mereka itu masuk berniaga membuka pejabat sendiri dan lain-lain. Dengan sebab itulah kita tidak menahan mereka itu untuk menceburkan diri supaya kita dapat melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Misalnya, Ahli Yang Berhormat sendiri berhenti masuk cawangan politik, tidak boleh kita tahan. Bagaimana besar gajinya sekali pun, kalau orang itu kuat politik ditinggalkannya, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini cuma ada 9 kekosongan sahaja dari 56 jawatan majistret yang ada. Adalah dijangka bahawa kekosongan ini akan dapat diisi dalam tahun 1976 apabila kita mendapat kumpulan pertama siswazah-siswazah dalam Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji cadangan untuk mengambil pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Pentadbir Melayu (Malay Administrative Service) yang mempunyai Ijazah Am (B.A.) sebagai majistret-majistret sementara dengan tujuan memberi biasiswa kepada mereka yang sesuai untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang.

Mengenai kekurangan jurubahasa pula, terdapat pada masa ini 32 kekosongan dari jumlah 240 jawatan yang ada. Tindakan sewajarnya telahpun diambil sekarang untuk mengisi kekosongan-kekosongan ini dan baru-baru ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengadakan temuduga dan memilih 24 calon sebagai jurubahasa-jurubahasa. Tawaran telahpun dikeluarkan kepada mereka beberapa hari yang lalu dan ini kita berharap bahawa sekiranya kesemua mereka menerima tawaran tersebut, maka masalah kekurangan jurubahasa-jurubahasa mungkin dapat diatasi sedikit demi sedikit.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang membawa perkara-perkara yang tersebut bagi pandangan Kerajaan dan juga Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab cadangan Ahli Yang Berhormat dari Rengam berkenaan dengan menghapuskan appeal kepada Judicial Committee atau Privy Council, maka itu adalah juga hasrat Kerajaan satu masa kelak. Tetapi memandangkan keadaan dan faktor-faktor yang ada di negara kita ini Kerajaan berpendapat belum lagi sampai masanya kita membuat apa-apa perubahan dalam peraturan yang ada berjalan sekarang ini. Peraturan mengadakan appeal kepada Privy Council pada pendapat saya, dan Kerajaan juga tidaklah menjejaskan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita dari segi undang-undang. Banyak negeri-negeri Komanwel lain yang lebih tua dari kita pada masa ini masih lagi ada membenarkan appeal kepada Privy Council. Mengenai perkara ini saya suka mengatakan bahawa kedaulatan dan sovereignty kita atau independence kita tidak jejas, kerana perkara itu kita yang meminta dan Kerajaan membuat perjanjian dengan Kerajaan Inggeris dengan kehendak kita sendiri supaya membenarkan kita refer kes-kes kita yang besar-besar kepada Judicial Committee atau Privy Council untuk mendapatkan apa-apa keputusan iaitu berhaklah kita bila-bila masa memutuskan perjanjian itu kalau kita hendak. Ini tidak bermakna independence atau sovereignty negeri kita ini akan terjejas. Misalnya, kalau negeri kita hendak bicara dalam international court Kerajaan kita akan submit kepada jurisdiction of the international court iaitu mahkamah antarabangsa. Ini juga tidak bermakna independence dan sovereignty negara kita akan terjejas. Tetapi saya sebutkan, bila Ahli Yang Berhormat itu mengatakan:

“We are not unaware that English Judges sitting on the Committee are all very eminent jurists and that they have at all times presented an image of absolute fairness, integrity and great legal knowledge in the execution of their duties”.

Dia mengatakan, “we are not unaware”. Bagi menjawabnya, saya katakan dalam bahasa Inggeris: we are not only aware but we are convinced that those English judges

sitting on the Committee of the Privy Council are eminent jurists. Kerana kita tahu keputusan-keputusannya, prinsip-prinsip keputusan yang dibuatnya itu adalah menjadi panduan yang diikuti oleh Federal Court di negeri kita. Kadang-kadang Negeri Komanwel lain pun berpandukan kepada keputusan itu. Saya hendak menerangkan di sini—janganlah kita syak wasangka yang mereka itu, Hakim-hakim di Privy Council itu tidak ada fairness, tidak ada integrity dan lain-lain tidak timbul rasa saya di dalam negara kita dalam perkara ini. Dalam hal ini Kerajaan berpendapat biarlah lambat asalkan selamat. Kita sedar Hakim-hakim kita adalah Hakim yang berkebolehan cukup berpengalaman, kepandaian, bebas dan tidak dapat dipengaruhi oleh siapa jua pun, tetapi bagi orang-orang asing (outsiders), yang menanam modal dalam negara kita masih tidak semuanya mereka itu berpendapat sedemikian, sebagaimana yang saya katakan tadi. Dengan adanya kita membenarkan appeal pada satu Badan Hakim yang tinggi di Great Britain adalah memberikan lebih kepercayaan kepada mereka itu dengan tidak was-was lagi mereka boleh mendapat keputusan yang tidak akan menaruh sedikit pun syak wasangka. Maka kepercayaan ini akan menguatkan orang-orang luar menanam modalnya ke negara kita.

Walaupun kita sedar kebolehan Hakim-hakim kita, kebebasan dia dan lain-lain, tetapi kita hendak convince kepada investors yang datang dari luar negeri, dia boleh kalau tidak puas hati dengan keputusan daripada negara kita, appeal kepada setinggi-tinggi mahkamah yang ada di London yang bukan daripada warganegara. Walau bagaimana sekalipun satu hari kelak, tidak berapa lama lagi Kerajaan akan membuat satu keputusan untuk membolehkan kita sendiri menubuhkan mahkamah muktamad dalam negara kita. Pada masa ini Kerajaan belum lagi memikirkan perkara itu wajar dibuat.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jawab.

4.43 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya hanyalah hendak menjawab satu dua perkara sahaja atas masaalah-masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Mengenai inflasi Yang Berhormat wakil dari kawasan Jelutong telah mencadangkan supaya Kementerian saya memberikan subsidi kepada keluarga-keluarga yang berpendapatan kurang daripada \$250.00 untuk membeli barang-barang keperluan. Beliau juga telah mengesyorkan supaya Kementerian saya menubuhkan Jawatankuasa untuk membela nasib orang-orang yang menganggur akibat diberhentikan kerja serta peniaga-peniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua ketahui stagflasi yang kita alami sekarang di negara kita ini dialami juga oleh negara-negara lain dan untuk mengatasi keadaan ini Kerajaan Malaysia telah mengambil dan akan seterusnya mengambil beberapa langkah yang sesuai seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan beliau tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu sungguhpun sepiantas lalu adalah baik, tetapi memandangkan keadaan yang ada ini saya pandang tidak begitu sesuai dan oleh kerana setiap rakyat memerlukan bantuan kewangan bolehlah memohon bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang juga akan mempertimbangkan samada seseorang pemohon itu patut diberi bantuan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru berkenaan dengan pusat-pusat latihan vokesyenal untuk belia-belia, maka saya percaya Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian dan perkara-perkara lain yang ada juga dikaitkan dengan Kementerian saya akan diambil perhatian.

Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masaalah-masaalah berkaitan dengan Kementerian saya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.45 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit-sebanyak atas Bekalan Letrik Luar-bandar. Saya sedar bahawa bekalan letrik yang menjadi salah atau daripada kemudahan-kemudahan sosial yang penting belum lagi dibekalkan ke beberapa banyak buah kampung.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memohon bekalan letrik untuk kampung-kampung di kawasan pilihanraya mereka, izinkanlah saya memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat syarat-syarat bagi mengadakan bekalan letrik untuk di kampung-kampung. Projek bekalan letrik adalah mengikuti keutamaan. Projek-projek yang diutamakan oleh Majlis Tindakan Daerah adalah dikemukakan kepada Kementerian saya melalui Majlis Tindakan Negeri dan Pegawai Kemajuan Negeri. Kemudian projek-projek itu akan diluluskan untuk dilaksanakan oleh pihak Lembaga Letrik Negara.

Dalam rancangan-rancangan pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan berusaha untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial termasuk kemudahan bekalan letrik ke kawasan luar-bandar di seluruh Malaysia. Keperluan kemudahan bekalan letrik di luar bandar telahpun dilipatgandakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini.

Dalam pada itu, kita juga menghadapi beberapa masaalah kekurangan barang-barang pembinaan yang mustahak seperti cable, wire aluminium, suiz gear dan lain-lain lagi. Ini bukanlah bermakna barang-barang yang tersebut tidak ada sama sekali, tetapi perbekalan tidak mencukupi bagi semua projek dijalankan dengan serentak. Walau bagaimanapun sebaik sahaja alat-alat atau bahan-bahan tersebut diterima pihak Lembaga Letrik Negara terus menggunakan dan pembinaan dijalankan di sepanjang mana barang-barang mencukupi. Dengan adanya keadaan seperti ini Kerajaan sedang melaksanakan segala projek-projek bekalan letrik dengan beransur-ansur. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menentukan bahawa kemudahan-kemudahan sosial seperti bekalan letrik boleh dinikmati oleh rakyat jelata.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang sedia maklum Lembaga Letrik Negara akan mengambil alih Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta (K.E.D.) pada tahun 1976. Ahli Yang

Berhormat itu telah meminta supaya Letrik Kinta diambilalih oleh Lembaga Letrik Negara dengan lebih awal lagi. Saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan boleh mengambilalih syarikat itu pada tahun 1976 sahaja yang telahpun dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Saya suka memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan akan berusaha untuk memenuhi matlamat-matlamat rancangan pembangunan supaya rakyat di luar bandar tidak akan ketinggalan dan Kementerian saya akan bekerja dengan bersungguh-sungguh berpandukan kepada matlamat-matlamat tersebut.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Penerangan maka sukalah saya hendak menjelaskan kekeliruan yang ada ataupun yang sengaja dikelirukan oleh Yang Berhormat dari Menglembu, yang kononnya Menteri Penerangan, tidak menjawab Memorandum yang disampaikan oleh Badan Mahasiswa Kaum India di Universiti Malaya berhubung dengan Rancangan R.T.M.

Kedudukan yang sebenarnya adalah begini. Satu memorandum telah diberi kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan pada 27hb Mei tahun 1974 yang penghantarannya beralamat di Taman Kajang, Selangor. Pihak Kementerian Penerangan telah menjawab pada 30hb Mei. Pada 20hb Julai telah menerima satu lagi perutusan daripada pihak yang sama dan pada kali ini penghantar utusan itu dialamatkan pula No. 1, Jalan Utara, Petaling Jaya dan jawapan juga telah diberi kepada alamat tersebut, tetapi malangnya surat itu berbalik semula ke Angkasapuri.

Dalam masaalah ini pihak Kementerian bercadang hendak mengadakan dailog dan saya sendiri telah diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menghadirinya dengan pihak yang berkenaan. Dalam pada masa kita hendak "trace" alamat mereka di Petaling Jaya, maka satu memorandum telah diterima daripada Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya yang menentang sekeras-kerasnya kandungan memorandum daripada mahasiswa-mahasiswa Tamil Universiti Malaya itu. Masaalah yang dipersoalkan ialah bahasa dan kebudayaan Malaysia di R.T.M. Apabila didapati dua badan interlectual bertelagah atau bercanggah

dalam perkara yang sangat sensitive ini, maka saya sendiri sangat berhati-hati supaya perkara tersebut tidak "membakar jiwa rakyat" di negara ini. Jika saya menjalankan sikap yang terburu-buru dalam perkara ini, maka bukan sahaja pertelingkahan timbul, tetapi pertelingkahan itu mungkin melibatkan rakyat jelata dan soal perkauman akan timbul pula, kerana soal yang dibawa itu adalah terlalu sensitive.

Dalam pada pertelingkahan pendapat antara Badan Mahasiswa-mahasiswa Tamil Universiti Malaya dengan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, maka tiba pula satu surat pujian terhadap program R.T.M. dari salah satu Tamil Arts Society yang ada di Kuala Lumpur. Ini menambahkan mengusutkan lagi keadaan itu yang memerlukan teliti yang sehalus-halusnya.

Memandang kepada perkara yang sangat rumit, maka saya telah meninjau menerusi saluran-saluran yang rapat dengan kedua-dua pihak itu dan akhirnya pihak Kementerian telah menetapkan satu tarikh untuk menemui wakil-wakil daripada mahasiswa-mahasiswa Tamil Universiti Malaya. Malangnya tarikh yang ditetapkan itu iaitu pada 25hb November, tidak dapat mereka penuhi, dan sekarang ini kenalah saya cari tarikh yang baru untuk melayan kemusykilan mereka itu. Saya harap Yang Berhormat dari Menglembu akan berasa ringan fikirannya dan adalah diharapkan supaya di masa hadapan kawan saya itu tidaklah lagi di "mislead" atau dikelirukan oleh mana-mana pihak kerana perbuatan seperti itu mungkin nampaknya baik, tetapi akan merugikan nama baik dan perjuangan Yang Berhormat itu sendiri.

4.52 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Renggam, Tuaran, Kuala Lumpur Bandar, Ledang, Tanjong Malim, Baram, Padang Serai dan Selayang yang telah membuat beberapa tinjauan mengenai perumahan dan kampung-kampung baru.

Saya ingin mendapat kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua untuk membuat jawapan kepada tinjauan-tinjauan ini dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, our new villages, which are the creation of the General Briggs Plan, though originally were in the region of 600, have now become 465 after further resettlement and regrouping.

These new villages were established under special circumstances between 1948 and 1952. The purpose of setting up these new villages was clear to all and I hope it is still being understood by all, that it was purely a military strategy rather than a socio-economic reform and as such they have now become a problem to the Government and also to the settlers.

Those who have been resettled or regrouped under this programme are not only Chinese who have unfortunately been interpreted as such although the majority of them are of Chinese origin. For the benefit of these who do not know and those who refuse to know, I would like to inform this House that there are in fact some 25 new villages in Peninsular Malaysia where one can find more Malays than Chinese and in both cases, of course, there are also Indian settlers. It is therefore not quite right to make the general conclusion that new villages mean or are to be implied as resettlement of Chinese settlers.

As the establishment of these new villages was a military strategy to combat the Emergency, the exercise of control was therefore more on the mind than on the physic of the settlers. Logically, amenities such as electricity, roads, schools, piped water, community halls and game facilities must be provided if the hearts of the people were to be won. Indeed, such amenities were provided at the beginning and have been maintained. Therefore, the allegation that these new villagers have been totally neglected by the Government is exaggerating although I agree, and in fact I hope, that more can be done and will be done for these settlers.

Since the programme of setting up these new villages was purely a military exercise, it was not meant, I believe, to be a long-term arrangement. Unfortunately, they have now become permanent. Constructive steps are therefore necessary to make these new villages more viable. However, I would not like to depart myself from reality and confess

that as far as agricultural capability is concerned very little can be done for these new villagers under the prevailing circumstances.

Practically, all these new villages are situated by the roadside through the process of acquisition of private land, mainly the estates. Therefore, all these new villages to-day are being surrounded by private land and it is almost impossible to find any land within five miles from the new villages.

Governments, both Federal and State, have made numerous attempts including special incentives and cheaper land for industrialists to bring industries to these new villages as to provide employment for the settlers. However, due to the geographical disadvantages and the distance from ports and the main towns, not very much could be done up-to-date.

It follows, therefore, that these settlers, who are mainly farmers and labourers, would face difficulties and hardships for not getting their basic amenity, i.e. agricultural land. There is, unfortunately, in my respectful opinion, no other alternative which can help to improve the present situation unless a comprehensive plan can be formulated to resettle part of the villagers to the land schemes.

The Government is also aware of the housing problem existing in these new villages. Since the resettlement in 1952, the population in these new villagers has grown. The Government is now making a plan to provide housing lots for these villagers.

As far as housing is concerned, I had just made a statement in this House two weeks ago, and I do not wish to repeat what I have already said. However, I can assure Honourable Members in this House that the Government will do its best to combat the shortage of houses, including the possibility of setting up a Federal Board which is now being planned. This Board, as envisaged, subject to the approval of the Cabinet, will only complement the housing projects being carried out by the State Governments but not to take away any of the work being done by them as reported by some of the newspapers recently.

Sir, that is all I wish to say in reply.

4.58 *ptg.*

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat kepada aktiviti-aktiviti Kementerian saya dan mengemukakan cadangan-cadangan yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah mengemukakan kemusykilan-kemusykilan mengenai beberapa perkara khususnya di Kawasan Sungai Petani, pertamanya berkenaan dengan kerja-kerja kontrek oleh kontraktor-kontraktor. Di sini saya sukalah mengemukakan bahawa semua projek-projek Kerajaan yang dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya pada keseluruhannya telah dibina mengikut jadual program yang telah dipersetujui di antara pihak kontraktor dan Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun, adalah tidak dinafikan ada kemungkinan terutamanya ada beberapa kontraktor yang organisasinya lemah tidak begitu kuat keadaan kewangannya dan lain-lain kesukaran yang dihadapi oleh mereka, umpamanya, kesukaran mendapatkan bahan-bahan pembinaan menurut keperluan mereka telah terkeluar daripada garisan persetujuan yang telah dibuat.

Adalah menjadi satu amalan yang biasa yang kontraktor mengambil masa di antara 3 hingga 6 minggu untuk memusatkan mobilise kerja-kerja mereka sesudah menerima notis untuk memulakan beberapa kerja kontrek iaitu berdasarkan kepada besar atau kecilnya kontrek yang diberikan kepada mereka. Adalah diketahui ada sebahagian daripada mereka telah mengambil masa yang lebih lama daripada tempoh yang biasa, tetapi ini juga bergantung kepada kontraktor-kontraktor itu sendiri.

Kebolehan seseorang kontraktor untuk memulakan lebih awal kerja-kerja kontrek bergantung kepada faktor-faktor yang tersebut di bawah ini:

- (1) Organisasinya.
- (2) Keadaan kewangannya.
- (3) Kebolehannya untuk mendapat bahan-bahan binaan yang dikehendaki melalui saluran-saluran yang tertentu.
- (4) Berhubung dengan soal kontraktor-kontraktor bumiputra, sebahagian daripada mereka hanya memulakan kerja

sesudah menerima pinjaman dari MARA.

Berkaitan dengan jalan-jalan yang telah digali mungkin untuk menanam paip, kebel talikom, ataupun kebel letrik, jalan-jalan ini juga sentiasa diselenggarakan oleh pihak J.K.R. dengan secepat mungkin, setelah Jabatan berkenaan itu memberitahu pihak Jabatan Kerja Raya. Sekiranya ada kelewatan ini adalah disebabkan oleh kerana hal-hal yang di luar kekuasaan Jabatan Kerja Raya sendiri pada waktu itu, tetapi walau bagaimanapun kita sentiasa berikhtiar untuk memperbaiki keadaan ini.

Berkenaan dengan bekalan air pihak awam adalah digalakkan mempunyai saluran paip air ke rumah mereka sendiri. Dalam soal ini, Kerajaan menawarkan satu pinjaman di mana pengguna boleh meminjam jumlah harga untuk membina saluran paip air ke rumah-rumah mereka dan pengguna-pengguna boleh membayarkan kembali dengan bayaran ansuran selama 24 bulan.

Berhubung dengan stand pipe tambahan, perkara ini adalah sentiasa dalam kajian dari semasa ke semasa oleh Kerajaan, dan dalam keadaan yang sangat-sangat memerlukan ianya adalah sentiasa diadakan.

Mengenai bil-bil air dalam keadaan biasa meter air adalah dikira sebulan sekali dan dengan hal yang demikian bil-bil juga disediakan sebulan sekali. Walau bagaimanapun disebabkan oleh kerana keadaan yang tidak dapat dielakkan ada ketikanya apabila perkara ini mengambil masa yang agak lebih lama dan dalam beberapa kes hingga sampai 6 minggu.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang ada menyentuh soal pembinaan jalan-jalan di luar bandar. Saya sukalah memaklumkan bahawa pembinaan jalan-jalan di luar bandar adalah di bawah program yang tersendiri di mana pembinaannya adalah didasarkan kepada keutamaan menyeluruh. Pihak berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri yang menentukan keutamaan bagi pembinaan projek-projek jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar yang Kementerian ini hanya memulakan semula kerja-kerja pembinaan jalanraya di akhir tahun sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun adalah benar bahawa semua projek-projek

tidak dapat dijalankan dengan serentak. Ini memandangkan faktor-faktor kewangan dan juga alat-alat jentera yang mana perlu dialih dari satu projek pembinaan ke tempat projek yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian kepada ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Gaya, Kota Belud, Tuaran dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah mengenai projek-projek pembinaan jalanraya di negeri itu. Pembinaan jalanraya di negeri Sabah adalah berjalan dengan licin mengikut peruntukan yang disediakan, walaupun kita ada menghadapi masalah sedikit seperti kekurangan batu dan sebagainya. Pada keseluruhannya persiapan projek-projek adalah berjalan terus terutamanya pembinaan Lebuhraya Timur-Barat di negeri itu.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pengasfalan jalan di antara Batu 26 Sandakan ke Telupit adalah berjalan dengan lancar dan tindakan sedang diambil untuk mempercepatkan lagi pengasfalan jalanraya itu. Walau bagaimanapun adalah benar yang kekurangan batu adalah masih menjadi satu masalah pembinaan jalanraya yang tersebut, tetapi dengan tertubuhnya kuari-kuari yang sedang kita pesan pada waktu ini, kita yakin masalah kekurangan batu ini akan dapat diatasi dan seterusnya projek pembinaan jalan-jalanraya di negeri itu akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada soal-soal yang berkaitan dengan pengangkutan jalan. Saya suka mengambil perhatian di atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, berkenaan dengan kemalangan-kemalangan jalanraya dan penglibatan kenderaan-kenderaan berat seperti lori-lori. Walaupun jawapan pada soalan ini sudah saya beri pada hari yang sudah-sudah semasa soal-jawab, tetapi biarlah saya memberi jawapan di sini sekali lagi.

Kementerian saya memang sedar akan kejadian-kejadian seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan adalah sentiasa berikhtiar dengan berbagai cara untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya yang berlaku di negeri ini, khususnya untuk lori-lori. Kementerian ini adalah mengambil tindakan yang tegas terhadap lori-lori yang bermuatan lebih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu

daripada bulan Januari hingga bulan September tahun ini sebanyak 346 buah lori telah disaman kerana membawa muatan lebih dan denda yang dibayar berjumlah \$121,250 dalam tempoh yang sama. Berbagai-bagai langkah yang lain telah dan sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya ini.

Mengenai perkara ini usaha-usaha telahpun dibuat untuk membuat beberapa pindaan Akta Lalu-lintas mengikut Akta A. 164/73 yang bertujuan untuk mencegah kenderaan-kenderaan dari melakukan kesalahan-kesalahan dan mengenakan denda yang lebih berat kepada sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan lalu-lintas. Pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sentiasa bekerjasama dalam kegiatan-kegiatan penguatkuasaan. Tindakan juga sentiasa diambil dari semasa ke semasa untuk menjalankan tindakan-tindakan menguatkuasa dengan menambahkan bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa. Kenderaan-kenderaan Peronda Polis dan kelengkapan-kelengkapan radar dan juga pembinaan alat-alat menimbang lori berat yang lebih besar.

Kementerian saya juga sedang mengkaji soal menaikkan taraf ujian memandu bagi penguji-penguji ataupun tester dan jurulatih-jurulatih sekolah memandu.

Berhubung dengan ini Kementerian saya sedang bekerja rapat dengan pihak tentera, polis dan jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mengadakan satu taraf yang tinggi bagi melatih penguji-penguji memandu dan untuk mengenakan syarat-syarat ke atas jurulatih-jurulatih sekolah memandu. Usaha-usaha juga dibuat untuk memberi keutamaan bagi membaiki jalan yang bengkok-bengkok, selekoh yang merbahaya dan permukaan-permukaan jalan yang licin, dan meluaskan jalanraya-jalanraya yang sempit. Ini adalah difikirkan perlu oleh kerana pada hitung panjang kenderaan-kenderaan di jalan-jalanraya kita bertambah 14% tiap-tiap tahun. Di samping itu, Majlis Keselamatan jalanraya Malaysia akan terus memperhibatkan Kempen Keselamatan Jalanraya untuk memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna jalanraya terutama kepada pemandu-pemandu kenderaan perusahaan dan teksi.

Kementerian saya percaya bahawa Kempen Keselamatan Jalanraya yang dijalankan itu adalah memberi faedah kepada

orang ramai. Saya juga percaya usaha-usaha patut terus dijalankan bagi mengingatkan orang ramai akan betapa mustahaknya mereka mematuhi kaedah-kaedah lalu-lintas dan panduan jalanraya. Jika mereka tidak diberi ingatan ini kemalangan dan kematian yang sia-sia itu akan terus berlaku dengan berleluasanya. Walau bagaimanapun memperluaskan jalan-jalanraya dan mengadakan tindakan-tindakan kuatkuasa sahaja adalah tidak mencukupi. Apa yang mustahak ialah kerjasama dari orang ramai untuk memahami tujuan-tujuan Kempen Keselamatan Jalanraya yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia. Dengan itu sukalah saya merayu kepada orang ramai supaya memberi kerjasama mereka terhadap kegiatan-kegiatan kempen yang dijalankan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga menyentuh soal perkhidmatan bas bagi orang ramai di Pulau Pinang. Kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki perkhidmatan bas bagi orang ramai di Pulau Pinang di mana banyak kilang-kilang letronik telah dibina. Pekerja-pekerja kilang yang pada masa dahulunya menggunakan bas-bas biasa sekarang boleh menggunakan bas kilang yang telah mula perkhidmatannya sejak bulan Jun tahun ini. Hingga sekarang, sejumlah 67 lesen bas kilang telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha bas kilang di Pulau Pinang sahaja dan jika perlu banyak lagi lesen-lesen bas kilang boleh dibenarkan.

Kementerian ini juga sentiasa mengkaji kedudukan perkhidmatan bas biasa di Pulau Pinang untuk memperbaiki perkhidmatannya kepada orang ramai dan tindakan sesuai seperti menambahkan giliran perjalanan bas dan juga penambahan bilangan bas akan diambil.

Akhir sekali saya suka menyentuh cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan juga Ahli Yang Berhormat dari Matang berkenaan dengan mendirikan Cawangan Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Sungai Petani dan Taipang. Di sini saya sukalah memaklumkan bahawa Kementerian saya akan mengkaji perkara ini bukan sahaja di tempat tersebut, tetapi juga di tempat-tempat yang lain di negeri

kita dan jika didapati perlu rancangan ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Sekianlah sahaja jawapan saya kepada teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dapat saya berikan di sini dan bagi cadangan-cadangan yang belum saya jawab telahpun diambil perhatian oleh Kementerian saya dan akan diambil tindakan di mana yang difikirkan perlu.

5.11 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Kementerian Pelajaran telah menarik perhatian daripada begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat syor-syor, pandangan-pandangan dan keritik-keritik berhubung dengan masalah pelajaran di negeri ini. Saya tidak bercadang untuk mengulas semua syor-syor, pandangan-pandangan dan keritik-keritik yang dibangkitkan oleh kerana banyak daripada syor-syor, pandangan-pandangan dan keritik-keritik tersebut telah dibangkitkan di Dewan ini sebelum ini di dalam persidangan yang sedang berjalan sekarang dan saya telahpun memberi ulasan kepada syor-syor dan pandangan-pandangan dan keritik-keritik tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan penubuhan lebih banyak lagi kindergarten iaitu sekolah-sekolah tadika ataupun tabika dan kemungkinan menjadikan kindergarten sebahagian daripada sistem pelajaran. Saya telah menjelaskan di Dewan ini beberapa hari yang lalu mengenai perkara ini bahawa Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ada menubuhkan beberapa buah pusat persekolahan kindergarten atau tadika ini di beberapa kawasan di luar bandar. Saya juga telah menjelaskan bahawa Kementerian Pelajaran belum ada rancangan untuk menubuhkan kindergarten ataupun menjadikan kindergarten sebagai sebahagian daripada sistem pelajaran.

Mengenai cadangan supaya Kementerian Pelajaran menambahkan lagi bilangan politeknik untuk menampung mereka yang tidak dapat melanjutkan pelajaran di sekolah jenis academic, Kementerian saya memang ada rancangan untuk membina sebuah lagi

politeknik di Kuantan di samping itu akan membina banyak lagi sekolah-sekolah vocational.

Mengenai syor supaya Kementerian Pelajaran memberikan kemudahan supaya murid-murid dapat mempelajari bahasa-bahasa antara satu dengan lain. Saya suka memaklumkan bahawa perkara ini memang ada peruntukan di dalam Akta Pelajaran, 1961 dan kemudahan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut ada disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh mengenai perkara murid-murid melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah agama setelah mereka terlepas peluang untuk ke sekolah menengah kebangsaan atau sekolah-sekolah menengah yang baik-baik. Masalah ini adalah di luar tanggungjawab Kementerian Pelajaran. Saya tidak bercadang untuk mengulas pendapat yang dibangkitkan mengenai perkara ini oleh kerana murid-murid ini berhak untuk pergi ke sekolah-sekolah yang lain yang ada untuk mereka.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara ibu-bapa daripada kalangan orang-orang kenamaan dan orang-orang kaya bertumpu-tumpu menghantarkan anak mereka ke sekolah-sekolah yang baik-baik sahaja. Sebenarnya saya suka memaklumkan bahawa dasar penempatan murid-murid yang diamalkan oleh Kementerian Pelajaran adalah jelas iaitu murid-murid akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang sesuai dengan aliran pilihan ibu-bapa mereka yang berdekatan dengan tempat-tempat kediaman mereka melainkan kalau kita tidak dapat mengadakan bilik-bilik darjah yang mencukupi bagi mereka yang berdekatan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu dan yang difikirkan menasabah ada juga didapati murid-murid dihantar ke sekolah-sekolah yang lebih jauh, daripada sekolah yang paling hampir dengan tempat kediaman mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Renggam mengharap supaya diberi perhatian yang lebih terhadap menyatu-padukan murid-murid dan pelajar-pelajar daripada berbagai bangsa di sekolah-sekolah dan di yayasan-yayasan pelajaran tinggi. Saya petik ucapannya yang antara lain menyatakan:

“Any trend towards polarisation must be arrested. It must be stressed that our future generation must go up together in

the same grassroots to learn about their common destinies and the similarities among them and to recognise, understand and respect the differences that exist among them for even in diversity we can achieve unity.”

Saya suka mengucapkan terima kasih terhadap Ahli Yang Berhormat tersebut yang begitu enlightened tentang masalah pelajaran negara ini. Kementerian Pelajaran memang bersetuju sepenuhnya terhadap pendapat beliau. Itulah sebenarnya yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pelajaran, oleh kerana itulah juga murid-murid daripada berbagai-bagai aliran bahasa di sekolah-sekolah rendah akan belajar di bawah bumbung yang sama di sekolah menengah mulai daripada tingkatan peralihan ataupun Tingkatan I dalam tahun 1975.

Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari lain-lain kawasan telah membangkitkan masalah Pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah. Saya menyedari akan kelohan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut. Untuk maksud ini, saya telah melantik sebuah Majlis Penasihat bagi Pelajaran Ugama Islam di Sekolah-sekolah untuk mengemukakan syor-syor bagi mempertingkatkan lagi mutu pelajaran Ugama Islam.

Mengenai cadangan supaya kadar bantuan kewangan ke Sekolah-sekolah Ugama Rakyat dinaikkan, Kementerian Pelajaran akan mempertimbangkan cadangan ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh mengenai sekolah-sekolah vocational di mana mengikut apa yang telah difahamkan kepada beliau, bahawa kadar kelulusan di sekolah-sekolah vocational adalah di antara 15% sehingga 20% sahaja. Kadar kelulusan di sekolah-sekolah vocational tidaklah begitu rendah sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Saya menyedari bahawa mutu pelajaran di sekolah-sekolah vocational belumlah begitu tinggi akan tetapi Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah supaya pencapaian murid-murid di sekolah vocational akan bertambah baik lagi tahun demi tahun.

Mengenai cadangan supaya diadakan sistem tiga bahasa di sekolah-sekolah di negara ini, saya suka menjelaskan bahawa di dalam Dasar Pelajaran di negara kita Bahasa Kebangsaan ialah bahasa pengantar yang

utama. Oleh kerana Kementerian Pelajaran dan juga Kerajaan sedar bahawa kebolehan menggunakan berbagai-bagai bahasa adalah baik, maka Dasar Pelajaran memberikan kemudahan untuk murid-murid mempelajari mata pelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Selain daripada itu, mereka boleh juga mempelajari bahasa ibunda masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Payang meminta Kementerian Pelajaran supaya menimbang-kan semula cadangan untuk menangguhkan rancangan pembangunan sekolah-sekolah di Sarawak ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sepanjang pengetahuan Kementerian Pelajaran, tidak ada projek yang telah diluluskan untuk Rancangan Malaysia Kedua di Sarawak yang ditangguhkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai cadangannya supaya Kementerian Pelajaran mengadakan latihan perguruan bagi guru-guru dari Sarawak untuk mengajar dalam bahasa penghantar bahasa Malaysia, saya suka menjelaskan bahawa Kementerian Pelajaran akan menimbang-kan rancangan latihan bagi guru-guru dari Malaysia Timur, akan tetapi perkara ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri di Malaysia Timur untuk mengemukakan permohonan tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Panti yang telah bercakap panjang lebar mengenai pelajaran akhlak. Saya telah menjelaskan tadi bahawa perkara ini memang mendapat perhatian daripada Kementerian Pelajaran dan satu daripada tugas-tugas Majlis Penasihat berkenaan dengan pelajaran Ugama Islam ialah menimbang-kan cara-cara menyampaikan pelajaran agama supaya meninggikan lagi akhlak di kalangan murid-murid kita di sekolah-sekolah.

Syor supaya saya melawat tempat-tempat yang terpencil di kampung-kampung, memang sebenarnya ada dalam rangka lawatan saya. Saya telahpun menjawab berkenaan dengan perkara ini apabila disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri di waktu perbincangan tentang Titah Ucapan di-Raja, dan saya telah menerangkan bahawa saya memang akan menambahkan perhatian yang lebih kepada kawasan-kawasan luar bandar di mana didapati keadaan sekolah-sekolah tidak begitu memuaskan. Kalau Ahli

Yang Berhormat itu tidak mendengar tentang saya melawat ke kampung-kampung, ini tidaklah bermakna bahawa saya tidak melawat ke kampung-kampung oleh kerana kadang-kadang di waktu saya membuat lawatan tidak ada orang-orang daripada akhbar ataupun daripada Kementerian Penerangan yang menyertai saya. Jadi tidaklah dapatlah kita siarkan berkenaan dengan lawatan saya ke kampung-kampung.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengharapkan supaya kualiti pelajaran di negara ini diperbaiki, ini memang sudah sentiasa menjadi hasrat Kementerian Pelajaran.

Mengenai dengan keahlian Jawatankuasa Menteri, saya telahpun menjelaskan di Dewan ini bahawa sesiapa sahaja boleh memberikan pandangan-pandangan, syor-syor dan pendapat mereka kepada Jawatankuasa ini. Saya suka memaklumkan sekali lagi bahawa keahlian di dalam Jawatankuasa tersebut adalah memadai.

Mengenai dengan cadangan supaya ditambah lagi perbelanjaan bagi pelajaran tinggi guna untuk menambahkan lagi bilangan penuntut-penuntut yang akan dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, saya suka memaklumkan bahawa di Malaysia ada lima buah universiti dan pada waktu ini cuma Universiti Malaysia sahaja yang sudah berkembang dengan sepenuhnya. Universiti Pertanian, Universiti Sains, Institut Teknologi Kebangsaan dan juga Universiti Kebangsaan masih boleh menerima lebih banyak mahasiswa-mahasiswa dan oleh kerana itu tidaklah perlu kita menambahkan universiti-universiti lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Batu Gajah telah bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan bahasa China, Sekolah China, Pelajaran China dan orang-orang China. Saya tidak perlu mengulas satu persatu teguran-teguran mereka, tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa orang China yang mereka sebutkan itu adalah rakyat Malaysia dan bukan rakyat asing atau rakyat Negeri China. Oleh sebab itu, soal orang China yang menjadi warganegara Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada soal nasional kita. Pelajaran, adalah soal nasional dan tidak boleh dibahagi-bahagikan sebagai soal kaum, pelajaran termasuklah pelajaran bahasa ataupun penggunaan bahasa

sebagai bahasa pengantar. Bahasa China sebagai matapelajaran, atau bahasa pelajaran adalah soal nasional dan bukan soal warganegara keturunan China sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Batu Gajah nampaknya mengaku bahawa pelajaran adalah soal nasional, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah bercadang berkenaan dengan pelajaran China di sekolah-sekolah China patut diadakan pungutan suara (referendum) di kalangan orang-orang China sahaja. Apakah ini sesuai dengan dakwaan orang-orang China yang menjadi warganegara Malaysia? Apakah warganegara lain tidak berhak menyuarakan pendapat mereka dalam soal-soal nasional seperti pelajaran? Jika berkenaan dengan bahasa Kebangsaan semua kaum berhak menentukannya kenapa dicadangkan berkenaan dengan bahasa China cuma orang China sahaja patut memberi pendapat. Jikalau kita mesti adakan referendum berkenaan dengan satu masalah yang melibatkan semua warganegara, maka semua pihak patutlah mengambil bahagian. Jika kita ingin mengadakan pungutan suara mengikut kaum, umpamanya, berkenaan dengan bahasa Melayu cuma untuk orang Melayu sahaja menentukan dan bahasa Tamil cuma untuk orang Tamil sahaja menentukan, maka sudah tentu akhirnya kita akan bercakap dengan seribu bahasa, dan menjadi satu "Tower of Babel" di mana siapa pun tiada akan faham orang yang lain. Apakah ini akan mewujudkan perpaduan di kalangan kaum yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tahu benar-benar bahawa kalau pungutan suara berkenaan dengan soal yang dibangkitkannya itu diadakan secara memberi hak yang sama kepada semua warganegara, maka keputusannya tentu akan menjadi berlawanan daripada yang dikehendaki oleh beliau, sebab itu ia telah mencadangkan pungutan suara yang mengecualikan hak sebahagian besar daripada rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pungutan suara telahpun diadakan. Pilihanraya baru-baru ini adalah satu jenis pungutan suara. Rakyat tahu benar-benar tentang sikap Barisan Nasional dalam soal pelajaran. Sebenarnya, parti DAP telahpun memberitahu kepada rakyat tentang hal ini supaya mereka berpendapat bahawa rakyat

akan menyokong mereka. Rakyat yang tertarik dengan hujah-hujah DAP boleh dan telah menyokong DAP. Kalau majoriti rakyat menyokong sikap DAP berkenaan dengan pelajaran, saya yakin DAP akan menang di semua kawasan yang DAP bertanding dan mungkin mereka akan menjadi Kerajaan dalam negara kita. Tetapi sebenarnya DAP telah mengalami kekalahan yang teruk. Ini adalah bukti jikalau pungutan suara secara demokratik dijalankan di mana semua warganegara diberi hak mengundi, maka sikap DAP tentang pelajaran tidak akan disokong. Rakyat dengan penuh kesedaran menyokong sikap sederhana Barisan Nasional dan memilih lebih dua-pertiga daripada wakil-wakil rakyat daripada calon-calon Barisan Nasional. Inilah sebabnya yang saya tidak dapat menerima sama sekali pendapat DAP bahawa rakyat tidak bersetuju dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita sudahpun dewasa dan sedar tentang apa yang mereka lakukan bila mereka memilih wakil dan Kerajaan. Mereka tahu dengan pemilihan ini mereka memberi kepercayaan penuh bahawa orang yang mereka lantik akan menentukan soal-soal kebangsaan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Lebih-lebih lagi bila mereka memilih lebih 2/3 dari sebuah Parti, mereka tahu bahawa perbuatan mereka adalah memberi kuasa penuh kepada parti yang mereka pilih untuk menentukan nasib mereka selama lima tahun. Menentukan nasib rakyat adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih dan asas keputusan yang dibuat oleh Kerajaan adalah asas kepentingan nasional (national interest). Dalam sistem demokrasi kalau tafsiran national interest yang dibuat oleh Kerajaan tidak diterima oleh rakyat, maka rakyat tidak akan memilih Kerajaan itu dalam pilihanraya yang akan datang.

Dasar pelajaran kebangsaan seperti yang dibentuk dan diamalkan adalah dasar yang diutarakan oleh pemimpin-pemimpin yang sama semenjak merdeka. Rakyat telah diberi peluang berkali-kali pemimpin lain untuk mendukung Kerajaan, tetapi tiap-tiap kali rakyat memilih orang yang sama. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, bahawa rakyat sekurang-kurangnya majoriti dari rakyat menyokong sikap dan amalan pemimpin itu termasuklah soal tafsiran kepentingan negara. Sehingga rakyat menolak Kerajaan yang

dibentuk oleh pemimpin-pemimpin ini, maka Kerajaan berhak membuat tafsiran mengikut pendapat Kerajaan.

Cadangan-cadangan yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat adalah cadangan minoriti. Kalau kita dipaksa terima pendapat minoriti, maka demokrasi di negara ini akan tamat. Dan kalau demokrasi sudah tamat apakah sebabnya yang patut kita terima pendapat golongan satu minoriti sahaja. Kita ada banyak minoriti yang lain dan mereka juga berhak memaksa pendapat mereka diterima. Dalam keadaan seperti ini apa yang akan wujud adalah huru-hara ataupun anarchy. Apakah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Batu Gajah ingin supaya anarchy wujud di dalam negara kita. Jika tidak, maka mereka patutlah menerima pendapat majoriti iaitu pendapat Kerajaan yang mewakili majoriti. Selagi rakyat memilih Kerajaan ini, maka Kerajaan ini akan membuat tafsiran tentang kepentingan negara. Saya berharap ahli-ahli Yang Berhormat DAP sedar dan terima konsep ini kerana di negara-negara lain juga konsep ini diamalkan, umpamanya, di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Pelajaran saya sanggup mendengar pendapat pihak Pembangkang, tetapi saya ingin menegaskan bahawa samada saya turut atau tidak pendapat mereka adalah hak saya yang diberi kepada saya untuk majoriti rakyat yang memilih Kerajaan ini. Di samping itu, saya ingin mengingatkan bahawa penduduk di negara kita ini terdiri dari berbagai kaum dan tuntutan-tuntutan yang melampau dari satu kaum boleh membangkitkan reaksi yang buruk dari kaum yang lain yang boleh membawa kepada peristiwa seperti peristiwa 13 Mei, 1969. Dari itu, saya harap kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat itu patut menimbang betul-betul tentang apa yang dipertanyakan. Keputusan dan pendirian Kerajaan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan adalah jelas.

Saya ingin menggunakan kepentingan negara sebagai alasan. Saya boleh dengan mudah memberikan sebab-sebab yang logik tentang pendapat yang mendorong Kerajaan membuat keputusan yang tersebut, tetapi ini mungkin menimbulkan perasaan-perasaan yang tidak diinginkan oleh lain-lain kaum. Oleh kerana Kerajaan sendiri telah mengharamkan pendapat-pendapat yang sensitif, saya tidak

akan react terhadap teguran dan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan dari Batu Gajah dengan cara yang mungkin akan escalate situasi buruk akibat daripada ucapan mereka itu.

Berhubung dengan perkara ini juga, saya ingin menyentuh pendapat Ahli Yang Berhormat dari Grik iaitu seorang Wakil Rakyat yang terdiri daripada keturunan orang Melayu. Ahli Yang Berhormat dari Grik menyatakan bahawa sepatutnya pihak Kerajaan menyatukan dan menjadikan satu aliran iaitu aliran Bahasa Malaysia di sekolah daripada peringkat rendah sehingga sekolah menengah atas. Ini bermakna bahawa kita patut menyekat perkembangan sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa yang lain daripada Bahasa Kebangsaan. Pendapat ini adalah pendapat yang kalaulah negara kita ini diduduki semata-mata oleh satu bangsa sahaja menjadi satu pendapat yang ideal, akan tetapi di dalam Negara Malaysia yang berbilang bangsa ini ideal tersebut tidak boleh dipraktikkan, oleh kerana itu maka Kerajaan telah membenarkan supaya pelajaran di sekolah rendah mengikut aliran China dan Tamil diteruskan demi kepentingan negara. Inilah yang saya sebutkan sebagai situasi yang extreme yang sangat-sangat dikhuatirkan. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Seremban lebih memahami keadaan yang sebenarnya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan berkenaan dengan belanjawan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Beruas, Rantau Panjang, Limbang, Lawas, Air Hitam, Sarikei, Sungai Siput, Tuaran, Hilir Perak, Pengkalan Chepa, Besut, Kuala Belud, Sandakan, Baram Parit Jalau, Padang Serai, Selayang, Johor Bahru, Shah Alam, Pasir Mas, Jelutong dan Menglembu telahpun mengeluarkan beberapa pendapat dan kritik-kritik terhadap Kementerian Pelajaran. Saya akan menimbang pendapat-pendapat ini, dan jika boleh, akan cuba mengamalkan pendapat-pendapat yang telah dikemukakan di dalam Dewan yang berbahagia ini.

5.37 *ptg.*

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di

atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan mengenai Kementerian saya sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975. Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu adalah dalam makluman Kementerian saya dan kajian-kajian kemungkinan akan dibuat menurut keutamaan masing-masing.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Limbang Lawas, bagi mengadakan sebuah lapangan terbang di kawasan Lawas, saya suka menjelaskan bahawa Kementerian saya sememangnya dari masa ke semasa sentiasa membuat kajian kemungkinan pembinaan lapangan terbang-lapangan terbang baru dan juga pembesaran lapangan terbang-lapangan terbang yang ada pada masa sekarang, menurut keutamaan dan kebolehan kewangan serta perbandingan dengan sistem-sistem pengangkutan awam yang lain. Kementerian ini juga akan membuat kajian kemungkinan cadangan tersebut untuk dimasukkan ke dalam projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Baram pula mencadangkan supaya Kementerian saya memperbaiki dan memajukan Padang-padang Terbang (airfield) di kawasan Bario, Long Lellang dan Long Banga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Padang-padang Terbang di Long Lellang dan Long Banga itu adalah kepunyaan Borneo Evangelical Mission dan Kementerian saya tidak mempunyai kuasa untuk memperbaiki atau memajukan Padang-padang Terbang itu. Walau bagaimanapun projek memanjangkan landasan kapal terbang di Bario dari 1,650 kaki kepada 1,800 kaki telahpun siap bagi membolehkan kapal terbang jenis BN2 mendarat.

Berhubung dengan pembesaran Lapangan terbang Kuala Trengganu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, bahawa tindakan-tindakan awal untuk memperbaiki Lapangan terbang Kuala Trengganu untuk perkhidmatan B737 telah diambil semasa Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1973. Oleh kerana jumlah trafik di lapangan terbang tersebut sedikit sahaja tindakan untuk memperbaiki telah ditangguhkan. Pada tahun 1973 jumlah penumpang yang dikendalikan oleh Lapangan terbang tersebut ialah lebih kurang 10,000 orang. Ini bermakna jumlah purata penumpang yang dikendalikan olehnya ialah

sebanyak lebih kurang 27 penumpang pada tiap-tiap hari. Perkhidmatan MAS F27 masih boleh mengendalikan jumlah trafik-trafik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Juru-juru Perunding pada tahun 1971 ramalan jumlah penumpang-penumpang pada 1976 ialah 26,000 dan meningkat ke 62,000 pada tahun 1981. Walau bagaimanapun memandangkan pada kemajuan-kemajuan baru-baru ini di kawasan tersebut tindakan untuk memperbaiki lapanganterbang Kuala Trengganu akan ditimbang secara lebih mendalam dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang disediakan oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sarikei, bagi mengadakan sebuah pelabuhan dan dermaga air dalam untuk Bahagian Keenam, Sarawak, Kementerian saya sedar bahawa sandbar adalah merupakan faktor utama yang menghalang kemasukan kapal-kapal besar ke Pelabuhan Sibul. Kementerian ini juga mengambil maklum iaitu kapal-kapal bagi pengangkutan mengeksploitasi balak hanya boleh berlabuh di Tanjung Mani sahaja. Adalah difahamkan di sini nampaknya ada keperluan untuk mengadakan satu dermaga air dalam bagi mempercepatkan sistem pengangkutan di kawasan tersebut. Kementerian ini adalah mengambil maklum ke atas cadangan itu dan akan membuat kajian kemungkinan menimbang cadangan tersebut untuk dimasukkan dalam projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian saya. Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kementerian ini mengkaji kemungkinan menutup perkhidmatan keretapi Johor Bahru dan Singapura, saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan Singapura dan Kerajaan Malaysia menganggap perkhidmatan keretapi ini merupakan penghubung yang baik di antara kedua-dua negeri ini dan segala faedah-faedah yang didapati dari perkhidmatan ini adalah dinikmati oleh kedua-dua belah pihak. Oleh yang demikian soal memberhentikan perkhidmatan keretapi itu masih belum timbul lagi.

Berhubung dengan adanya kapal-kapal terbang yang tidak dikenali mendarat di pengkalan terbang lama di Tanjung Labu,

Johor, bahawa pengkalan terbang Tanjung Labu pada masa sekarang tidak berjaga (unattended). Walau bagaimanapun landasan kapalterbang ini boleh digunakan untuk pendaratan kapal-kapalterbang dalam negeri (domestic aircraft) yang mana pada kebiasaannya memberitahu Perkhidmatan Kawalan Trafik yang berhampiran. Kapal-kapalterbang dari Singapura adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan Kastam dan Imigresen di Lapanganterbang Johor Bahru, sekiranya mereka hendak mendarat di pengkalan terbang Tanjung Labu atau di mana-mana pengkalan terbang yang tidak berjaga.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tiadanya perkhidmatan kapal-kapalterbang di Pulau Langkawi sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Langkawi, saya suka menjelaskan bahawa satu landasan kapalterbang yang panjang 2,300 kaki telahpun siap dibina. Perancangan untuk mengadakan pagar, tempat letak kereta, kemudahan elektrik dan tempat persinggahan penumpang telahpun siap dan perlaksanaannya akan dijalankan tidak berapa lama lagi.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Matang untuk menambah perkhidmatan pos bergerak di kawasan-kawasan luar bandar, saya suka menjelaskan bahawa Kementerian ini sememangnya dari masa ke semasa membuat rancangan untuk menambah bilangan pejabat-pejabat pos bergerak di seluruh negara terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Sehingga tahun 1970 sebanyak 81 buah pejabat-pejabat pos bergerak telahpun disediakan. Penambahan bilangan pejabat-pejabat pos bergerak juga telah dibuat di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan sehingga penghujung tahun 1973 sebanyak 45 buah pejabat pos bergerak telah diadakan. Di samping itu juga peruntukan-peruntukan tambahan telah diprolehi dan dijangka sehingga akhir tahun 1975 sebanyak 28 lagi pejabat pos bergerak akan diadakan. Jabatan Perkhidmatan Pos akan membuat rancangan bagi menambah bilangan-bilangan pejabat-pejabat pos bergerak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping menambah bilangan pejabat-pejabat pos bergerak Jabatan Pos juga telah membuka banyak pejabat-pejabat pos baharu di pekan-pekan kecil dan juga menambah bilangan wakil-wakil pos di kawasan desa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.47 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian saya dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to thank all the Honourable Members who have shown interest in matters relevant to my Ministry and I take this opportunity to explain to a number of points raised by the Honourable Members.

I would like to refer to the subject of the declining rubber price which the Honourable Members for Kepong, Maran, Bruas, Padang Terap, Dungun, Banting, Besut, Mantin, Batu Pahat, Julau, Semerah, Parit, Padang Serai, Matang and Shah Alam, touched on and asked the Government to take steps to overcome the situation. This matter has already been spoken at great length by my Minister just now in this House and, as such, I do not wish to answer on this matter again. But I would like to request the Honourable Members to refer to my Minister's verbal answer given to the question raised by the Honourable Member for Padang Terap on the 20th of this month and to the Parliamentary Statement made by my Minister today.

Mr Speaker, Sir, apart from this, I would like to refer to a number of points raised by the Honourable Members and I feel that my explanation is necessary to those points.

The Honourable Member for Maran proposed that a Trade Intelligence Unit should be formed to study the economic situation for marketing rubber and timber in the foreign countries. I am pleased to mention here that a Techno-Ekonomi Unit has been established under M.R.R.D.B. with the objective of studying supply, demand, economic situation of the consumer countries, marketing and other relevant subjects.

In the timber industry too, a Marketing Intelligence Unit has been formed under the Malaysian Timber Industry Board. This Unit was recently formed and is still in its organisational stage. The Government has

already received aid from the Commonwealth Fund Programme Aid for Technical Co-operation with the intention of studying the market situation abroad and advise those involved in the industry. In this connection, through the International Division in the Ministry of Trade and Industry, the Government is making sure that new markets for not only the two commodities but also for other commodities such as palm oil, tobacco, pineapple and others, would buy more primary commodities supplied by our country. The new markets mentioned are in the Middle East and the Socialist countries.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Bruas raised the matter regarding rubber dealers and smoke-house owners who are afraid of losing their business and also because of the rumour that they would be forced to sell directly to MARDEC. This is not true. They can sell rubber to anyone they like. The objective of MARDEC operations in rural areas is to assist the smallholders to sell their rubber direct to MARDEC and avoid exploitation from middle-men and by this, their rubber can be processed into better quality S.M.R. In this way the smallholders receive the actual rubber price which they would not receive from the middle-men. However, I assure, that the middle-men who carry out their business truthfully following the set regulations not only can progress in their business but also can be appointed as representatives of MARDEC.

As it was mentioned by the Honourable Member for Padang Terap, the rubber cess system is not based on RSS 1. Actually the cess collection is based on every pound of rubber exported. At the moment, rubber replanting cess is at the rate of 4½ cents, research cess at 1 cent for every pound of rubber. As the Honourable Members are familiar, replanting cess is for carrying out replanting for the benefit of the smallholders and in addition to this the Government gives assistance of about \$300 for every acre of land replanted and thus the benefit for the smallholders is certainly great. For research cess the benefit obtained by the rubber industry is also great. The benefits received by research are the new rubber processing system of S.M.R., high quality of seedlings, latex stimulant, various fertilizers and the variety of cash crops that were channelled to the smallholders.

With regard to the tobacco planting, it is not true that tobacco planters are facing difficulties in planting tobacco in large scale because of a fall in price, as was mentioned by the Honourable Member for Arau. I would like to draw the attention of the Honourable Member for Arau that the tobacco price is fixed by the National Tobacco Board and tobacco should not be sold for less than the fixed price. I also like to inform the Honourable Member that the Board has revised the cost of tobacco production and raised the tobacco price effective from 21st August this year.

Mr Speaker, Sir, in connection with tobacco planting, to reduce the import of tobacco as was mentioned by the Honourable Member for Dungun, in actual fact, my Ministry feels that most of the import of tobacco is done by the Malaysian cigarette factories. It is estimated that tobacco imported is 45% out of the total need in 1974 and the remainder 55% is produced and supplied locally. The utilisation of local tobacco is estimated to increase at a rate 20% every year and the Malaysian Tobacco Board has taken steps to encourage to produce more tobacco in this country. In 1972, about 19,870 acres were planted with tobacco and the acreage will increase during the coming years. The output of local tobacco also increased from 10.6 million pounds in 1973 to 16.7 million pounds in 1974 and is expected to increase to 19 million pounds in 1975. It is hoped that the expansion in local tobacco planting will reduce tobacco import. My Ministry will encourage the export of tobacco once the local need is satisfied.

5.56 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Tuan Abdulah bin Majid): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, saya bangun mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut mengambil bahagian semasa membahaskan Belanjawan, 1975 beberapa hari yang lalu.

Sesungguhnya tidak begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam bidang luar negeri, kerana kita sedia maklum bahawa bidang luar negeri seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencapai kemuncak kejayaan yang paling

gemilang iaitu setelah tercapainya hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China. Kita juga faham dan kita juga tahu bahawa pertukaran Duta-duta Besar (Ambassadors) akan berlaku dalam tempoh sebulan dua lagi, dan sungguhpun ini akan berlaku, saya rasa tidaklah benar yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru yang merasakan ke-bimbangan bahawa ada kemungkinan orang yang berteduh di bawah payung ambassador daripada Republik Rakyat China itu. Sudah tentulah pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya kejadian itu akan timbul kelak.

Hanya Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada menimbulkan sedikit persoalan mengenai tugas Kedutaan Besar kita di luar negeri. Sebenarnya bukanlah tugas Kedutaan Besar di luar negeri untuk menanamkan semangat cintakan tanahair kepada pelajar-pelajar yang berada di luar negeri, samada mereka berada di New Zealand, di Australia, di United Kingdom, di Amerika Syarikat dan lain-lain. Sepatutnya pelajar-pelajar kita sebelum meninggalkan tanahair sudahpun mempunyai semangat cintakan tanahair, dan di dalam hal ini Duta-duta Besar dan juga Pesuruhjaya Tinggi (High Commissioner) di tempat masing-masing memang lazim mengadakan Hari Malaysia di tempat kediaman mereka pada setiap tahun, di mana pelajar-pelajar kita diundang untuk mengambil bahagian untuk merayakan hari-hari perayaan kita itu bersama-sama. Dan dengan demikian, perasaan cintakan kepada tanahair dapat ditanam dan dapat dipupuk di kalangan mereka. Walau bagaimanapun, memang ada kejadian pelajar-pelajar kita di New Zealand yang kita tahu baru-baru ini yang nampaknya menunjuk perasaan menentang Malaysia dan inipun ditambah pula dengan kegiatan daripada mahasiswa-mahasiswa kita sendiri. Sesungguhnya sangatlah menghinakan perbuatan yang seperti itu dilakukan oleh pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri ataupun yang keluar negeri menggunakan Paspot Malaysia yang memberi perlindungan kepada mereka, tetapi mereka sanggup mencemarkan nama Malaysia yang memberikan perlindungan kepada mereka di luar negeri itu.

Saya percaya pelajar-pelajar yang mempunyai fikiran yang waras, yang mempunyai perasaan cintakan tanahair, perasaan

nasionalism dan faham kepada tanggungjawab mereka tidak akan berbuat demikian, dan kita bersyukur hanya segelintir sahaja yang melakukan perbuatan hina seperti itu. Kita juga tahu bahawa Kedutaan-kedutaan Besar di luar-luar negeri dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi memang bekerja erat dengan Jabatan-jabatan Pelajar yang ada seperti di Britain, di Republik Arab Mesir, di Australia dan New Zealand. Dengan seberapa yang boleh Kerajaan Malaysia akan menambahkan lagi bilangan Jabatan-jabatan Pelajar ini di mana-mana yang perlu menurut kemampuan kita, di mana pelajar-pelajar telah bertambah bilangannya dari semasa ke semasa.

Setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi bagi pihak Menteri Luar Negeri, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di Pertua, saya bangkit cuma untuk memberi penjelasan tentang beberapa perkara tertentu yang menyentuh soal pengurusan di Kementerian Kewangan dan di lain-lain agensi yang berkaitan dengannya. Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memberi ucapan pengulung yang berasingan tentang perkara-perkara dasar berkaitan dengan ucapan Belanjawan beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Payang ada menyentuh tentang kelambatan Perbendaharaan Malaysia mengeluarkan wang bagi projek-projek di Negeri Sarawak. Ingin saya mengambil peluang ini untuk menyatakan bahawa kerap kali projek-projek yang diperkatakan itu cuma dipersetujui pada prinsipnya sahaja—butiran lanjut perlu juga dikaji secara teliti. Peruntukan sebanyak \$649.02 juta telahpun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua bagi Kerajaan Negeri Sarawak—\$281.12 juta di bawah Rancangan Malaysia Pertama dan \$367.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Unsur pinjaman di bawah kedua-dua rancangan ini adalah berjumlah \$68.20 juta kesemuanya. Bila memperoseskan belanjawan yang sebesar ini, sudah sebarang tentu kadangkala timbul beberapa kesulitan terutama sekali bila diperlukan penjelasan dan keterangan daripada Kerajaan Negeri

Sarawak sendiri. Dukacita yang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan dua tiga misal yang kecil bilangannya, manakala kelulusan yang besar barangkali telah dilupakan begitu sahaja. Oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Payang telah menyentuh tiga misal yang tertentu secara panjang lebar, eloklah saya memberi sedikit penjelasan.

Pertama berkenaan rancangan rumah rakyat di Sarawak, barangkali secara tepat ialah Rancangan Perumahan Rakyat di Pisau. Projek ini yang melibatkan wang pinjaman sebanyak \$5 juta telah diluluskan secara prinsip oleh Kementerian Perumahan pada 21hb Jun, 1974. Penjelasan lanjut diperlukan dan Perbendaharaan Malaysia dengan daya-usahanya sendiri telah meminta penjelasan tentang beberapa perkara tertentu dari Kementerian yang berkenaan. Penjelasan serta keterangan telah mengambil masa yang agak lama sedikit. Satu salinan memorandum yang mengandungi penjelasan yang perlu bertarikh 19hb September, 1974 telah disampaikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Satu mesyuarat telah diadakan di Kementerian Perumahan untuk membincangkan kesulitan-kesulitan yang timbul. Yang Berhormat Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan Sarawak, yang juga menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan telahpun bersetuju pinjaman sebanyak \$5 juta kepada Negeri Sarawak untuk projek ini. Deraf surat perjanjian telahpun disediakan dan ini akan dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak untuk ditandatangani. Perkara ini telah dikendalikan dalam tempoh lima bulan sahaja dan tidak dua tahun seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kedua mengenai sekim gaji baru bagi Jurutrengkas di Sarawak. Perkara ini tidak melibatkan Perbendaharaan Malaysia secara langsung, tetapi kerjasama telah diberi dan perkara ini telahpun disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya faham bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Jabatan yang berkenaan.

Masaalah yang ketiga ialah mengenai Rancangan Keselamatan di Ngayau Sekuau. Rancangan ini yang melibatkan penempatan semula 400 keluarga dari Ulu Oya ke Ngayau Sekuau, telah dikemukakan kepada Perbendaharaan pada 30hb April, 1974. Perkara ini telah dikaji dan persetujuan telah dibuat

supaya rancangan ini disifat sebagai satu Rancangan Kemajuan Tanah dan dikelola oleh Sarawak Land Development Board pada 31hb Mei, 1974. Peruntukan sebanyak \$929,000 sebagai satu pemberian (grant) dan \$1 juta secara pinjaman telah disediakan. Waran bagi jumlah ini telahpun disampaikan kepada Kementerian Kemajuan Tanah pada 9hb Julai, 1974. Pada 31hb Julai, 1974 Kerajaan Negeri Sarawak telah merayu supaya pinjaman sebanyak \$1.0 juta itu dianggarkan sebagai pemberian (grant) secara langsung. Perbendaharaan pun bersetuju dan persetujuan atas permohonan Kerajaan Negeri Sarawak pada 6hb Ogos tahun ini dengan syarat tanah di rancangan itu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan apa-apa perolehan dikreditkan sebagai hasil Persekutuan bila hak milik dikeluarkan. Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima syarat ini dalam suratnya bertarikh 8hb Ogos, 1974. Satu salinan waran peruntukan yang baru telah dikeluarkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah. Adalah difahamkan bahawa Kementerian Kemajuan tanah telah menghantar Waran Peruntukan Bil: K.K.T.P./1974 kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 27hb Ogos 1974 Tuan Yang di-Pertua, projek ini pula bukanlah satu rancangan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Pertama ataupun Kedua, bahkan ialah satu rancangan istimewa untuk menolong rakyat Sarawak.

Tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus pula, anggapan yang Perbendaharaan Malaysia tidak mengambil berat terhadap dasar yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru, khususnya bagi pelaksanaan projek-projek oleh pihak SEDC adalah tidak benar.

Apa yang sebenar berlaku, ialah pihak Perbendaharaan memerlukan masa yang cukup untuk menimbangkan tiap-tiap projek perniagaan dari segi "viability" projek tersebut oleh sebab jika wang pinjaman diluluskan bagi projek-projek yang tidak "viable", ini akan menyusahkan pihak SEDC juga, yang dikehendaki membayar balik wang pinjaman yang diberi. Di dalam usaha penilaian projek-projek ini, kadangkala beberapa perbincangan yang melibatkan Jabatan-jabatan yang lain terpaksa diadakan dan ini juga akan memakan masa yang agak panjang. Perlu diingat bahawa wang yang

disalurkan sebagai pinjaman kepada SEDC-SEDC adalah wang yang Kerajaan Persekutuan pinjam dari rakyat juga dan wang pinjaman ini ada mempunyai kosnya yang dikehendaki dibayar balik. Oleh itu, sebelum pinjaman diluluskan kepada SEDC-SEDC bagi projek-projek perniagaan, kemampuan SEDC-SEDC membayar balik wang pinjaman tersebut mestilah dipastikan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, bila mengkaji projek-projek tidaklah bermakna Perbendaharaan hanya menitikberatkan faktor viability dan keuntungan sahaja. Projek perumahan murah misalnya adalah dikaji dari segi faedah sosial dan pinjaman diberi dengan bayaran faedah yang paling rendah iaitu dengan kadar 5% setahun, sungguhpun kos purata pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman jangka masa panjang adalah sebanyak 8% setahun. Perbendaharaan memang berminat untuk menolong SEDC-SEDC bagi melancarkan projek-projek lebih-lebih lagi SEDC-SEDC dari negeri-negeri yang mengalami kekurangan hasil seperti Negeri Trengganu. Satu dari cara bagaimana Perbendaharaan menolong SEDC-SEDC ialah dengan meluluskan pinjaman di atas kadar faedah yang serupa dengan kos pinjaman purata sebanyak 8% setahun, sungguhpun keuntungan bagi projek-projek tersebut didapati lebih daripada 12% ataupun 15%. Perbendaharaan berbuat demikian dengan tidak mengenakan kos pentadbiran ke atas pinjaman tersebut. Tuan Yang di-Pertua, bagi Negeri Trengganu, setakat ini Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman sejumlah \$69.4 juta untuk beberapa projek. Pinjaman sebanyak ini ialah satu daripada jumlah yang tinggi pernah diberi kepada sesuatu negeri.

Menyentuh teguran Ahli Yang Berhormat dari Setapak pula, berkenaan dengan lori-lori yang ditahan oleh pihak Kastam, ingin saya menjelaskan bahawa lori-lori yang ditahan itu adalah bersangkutan dengan beberapa kesalahan. Kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

- (a) Lori-lori yang telah dirampas bersangkutan dengan kesalahan membuat penilaian harga yang rendah kepada pihak Kastam semasa diimpot dengan tujuan untuk mengurangkan bayaran duti Kastam; ataupun

- (b) Lori-lori bersangkutan dengan kesalahan melanggar syarat permit impot iaitu menukarkan hakmilik atas lori itu di dalam tempoh yang dilarang;
- (c) Mengimpot lori dengan permit impot yang palsu (forged permit); dan
- (d) Lori-lori yang telah dipasang secara haram (illegal assembly).

Ingin saya menegaskan bahawa Kementerian Kewangan telahpun memberi pertimbangan yang sewajarnya di atas kes-kes rayuan yang telah diterima daripada pihak-pihak yang dikatakan telah teraniaya di dalam gerakan yang telah dijalankan oleh Jabatan Kastam baru-baru ini. Walau bagaimanapun, apa-apa pertimbangan yang diberi terpaksa sah selaras dengan peraturan-peraturan undang-undang.

Di antara lori-lori yang telah dirampas itu, hanya lori-lori yang bersangkutan dengan kesalahan penilaian (valuation) sahaja yang dapat diselesaikan di mana pemulangnya kepada pihak-pihak pembeli yang merayu boleh dipertimbangkan. Ini boleh dibuat oleh kerana kesalahan yang telah dilakukan itu boleh dikompoundkan atau "can be compounded" oleh pihak Jabatan Kastam dan kemudiannya lori berkenaan bolehlah dipulangkan kepada pihak yang merayu. Separuh dari lori yang berkenaan telahpun dipulangkan. Sambil itu, Jabatan Kastam sedang mengambil tindakan untuk mengenakan kompaund kepada beberapa lori yang telah dirampas atas kesalahan yang sama supaya lori-lori itu boleh dipulangkan. Walau bagaimanapun, lori-lori yang telah terlibat dengan kesalahan-kesalahan lain seperti yang telah saya terangkan tadi tidaklah dapat dipulangkan kepada pihak-pihak yang merayu, sehingga selesai perbincangan-perbincangan di Mahkamah di atas kes-kes itu, dan pihak-pihak yang didapati bersalah dikenakan hukuman yang tertentu. Bila selesai perbincangan di Mahkamah, barulah boleh Menteri Kewangan mempertimbangkan rayuan-rayuan daripada pihak yang dikatakan teraniaya dalam perkara ini mengikut kuasa yang diberi kepadanya di bawah peruntukan Undang-undang Kastam 1967 dan juga Akta Excise 1961. Ini adalah disebabkan yang kenderaan-kenderaan yang telah dirampas oleh pihak Kastam bersangkutan dengan kesalahan-kesalahan yang saya terangkan itu, hanya dapat dipertimbangkan oleh Menteri Kewangan selepas kes-kesnya diperbincangkan di Mahka-

mah dan kenderaan-kenderaan yang berkenaan diperintah lucut kepada pihak Kerajaan sebagai hak Kerajaan. Setakat ini, tidaklah dapat Menteri Kewangan berbuat apa-apa di atas lori-lori yang dimaksudkan itu kerana lori-lori yang berkenaan dengan sendirinya menjadi perkara kesalahan (subject matter of the offence) dan sekarang ini berada di bawah kuasa Mahkamah sehingga perbincangan diselesaikan.

Selepas kes-kes lori itu diselesaikan di Mahkamah dan pihak-pihak yang bersalah telah dikenakan hukuman yang tertentu, saya akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada orang-orang yang telah teraniaya benar-benar dalam perkara ini. Seterusnya, ingin saya menyatakan, bahawa Jabatan Kastam sedang mengambil tindakan dengan seberapa segera bagi kes-kes yang berkenaan dihadapkan ke Mahkamah. Suka saya menegaskan bahawa tindakan yang diambil oleh Jabatan Kastam itu ialah semata-mata mengikut undang-undang demi menjaga kepentingan hasil negara.

Perbadanan Jaminan Kredit (CGC)

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat juga ada menimbulkan tentang layanan-layanan yang telah diberi kepada pemohon-pemohon atau peniaga-peniaga oleh pengurus-pengurus bank bila memohon pinjaman. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa dari segi perniagaan, bank-bank cuma boleh memberi pinjaman kepada projek-projek yang viable. Sikap ini adalah baik untuk memelihara kepentingan peniaga-peniaga sendiri. Walau bagaimanapun Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk menentukan yang modal kewangan seberapa boleh disediakan dengan kos pinjaman yang berpatutan. Dalam Ucapan Belanjawannya, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa jumlah pinjaman di bawah rancangan kredit telah dinaikkan daripada 5% kepada 10% dari jumlah kira-kira simpanan dalam bank dengan kadar faedah hanya 9% setahun. Dalam hal ini, Kerajaan juga telah menggalakkan bank-bank menubuhkan yunit-yunit khas untuk memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra. Bagi keperluan mereka di luar bandar pula, yunit bergerak (mobile unit) ada disediakan oleh beberapa bank. Semenjak tertubuhnya Perbadanan Jaminan Kredit pada bulan Januari 1973, sebanyak \$118.0

juta telah diluluskan kepada 11,361 orang peminjam-peminjam. Dari jumlah ini lebih kurang 63% terdiri dari peminjam-peminjam bumiputra. Ini adalah peratusan yang agak tinggi.

Yang Berhormat Ahli dari kawasan Batang Lupar telah meminta beberapa angka tertentu tentang pinjaman yang telah diberi oleh Perbadanan ini. Setakat ini 7,150 orang peniaga-peniaga bumiputra telah mendapat pinjaman di bawah rancangan ini berjumlah \$46.0 juta, bagi seluruh Malaysia. Bagi Negeri Sarawak pula, 355 orang peniaga bumiputra telah diberi pinjaman berjumlah \$3.24 juta.

Selanjutnya, sekiranya ada peniaga-peniaga yang memerlukan bantuan mendapatkan pinjaman diharap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menasihatkan mereka supaya berhubung dengan pihak Perbadanan Jaminan Kredit di Wisma Yakin, Jalan Melayu, Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Ahli dari Sepang telah menanya kenapa Bank Negara tidak mengenakan had kadar maksima ke atas faedah yang diberi kepada deposit yang diterima oleh syarikat meminjam, walhal Bank Negara mengenakan had ini terhadap deposit yang diterima oleh bank-bank perdagangan. Had kadar maksima ini hanyalah melibatkan pinjaman bagi tempoh satu tahun atau kurang dari satu tahun—kadar faedah bagi pinjaman yang lebih dari satu tahun tempohnya, tidak terlibat. Bila langkah ini diambil dalam tahun 1973, pertimbangan telah dibuat samada langkah ini akan mendatangkan kebaikan kepada orang ramai. Keadaan ini sentiasa diawasi dan bila didapati menghendaki pertukaran, peraturan ini akan ditukar. Bagaimanapun, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat ini kerana menimbulkan perkara ini.

Kekurangan Duit Syiling

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga menyebut tentang kekurangan duit syiling di beberapa tempat setakat ini. Berkenaan dengan perkara ini, suka saya menyatakan bahawa Bank Negara telah menyiasat masa-

alah ini, dan telah mengambil langkah yang tertentu untuk mengatasinya.

Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan satu kenyataan akhbar supaya masaalah ini boleh diterangkan kepada semua rakyat.

6.27 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menjawab bagi pihak Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengemukakan mengenai Kementerian ini secara langsung atau tidak, maka saya ucapkan terima kasih atas teguran-teguran itu. Adalah didapati bahawa kebanyakan daripada teguran-teguran ini adalah membina belaka, jarang sekali didapati teguran yang memberi moral yang kurang baik, maka dengan sikap yang demikian, saya ucapkan terima kasih sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya saya menjelaskan di sini secara garis kasar, rancangan-rancangan yang akan diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jangka masa tahun 1975, terutama khasnya ditujukan matlamat ini bagi Ahli-ahli yang baru seperti saya. Matlamat utama yang dituju oleh Kementerian ini adalah ke arah membentuk satu masyarakat Malaysia yang teguh dan bersatupadu dengan mempunyai warganegara yang penuh dedikasi terhadap prinsip-prinsip Rukunegara dan mempunyai satu kesedaran kebangsaan identiti yang satu, menerusi berbagai-bagai kegiatan di dalam kebudayaan belia dan sukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung ucapannya pada hari esok.

Tuan Rais bin Yatim: Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga 2.30 petang hari esok, 29hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.